



جایزہ مفتی نگرى ساراواک

JABATAN MUFTI  
NEGERI SARAWAK

# التبیان

at-tibyan

"Fatwa Dijunjung Ummah Disanjung"

SIRI 15 / 2021 • NASKHAH PERCUMA

## PUSAT FALAK MIRI

# Menyulang Khazanah Ummah



PORTAL RASMI

MAJLIS PENYERAHAN DAN  
PERASMIAN PUSAT FALAK  
MIRI

7

KIBLAT YANG SATU

10

HUKUM BERKENAAN  
MATA WANG KRIPTO  
(CRYPTOCURRENCY)

13

MEMBACA  
GAPURA ILMU

42

ISSN 2773-6083



9 772 736 080 04

# Sidang Redaksi



## **Penaung**

Sahibus Samahah Datu Haji Kipli bin Haji Yassin  
(Mufi Negeri Sarawak)

## **Penasihat**

Sahibul Fadilah Tuan Haji Mual bin Haji Suaud  
(Pengaroh)

## **Ketua Editor**

Ustazah Radiyah binti Haji Affandi

## **Penolong Ketua Editor**

Ustaz Abdul Karim bin Drahman

## **Editor**

Ustaz Haji Mohammad Syarifuddin bin Haji Abdul Kadir  
Ustaz Haji Razalie bin Haji Hussaini  
Tuan Haji Mansor bin Borhan



Diterbitkan oleh:  
Jabatan Mufi Negeri Sarawak  
Aras 15, Majma' Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah,  
Lorong P. Ramlee, Off Jalan P. Ramlee  
93400 Kuching, Sarawak  
Telefon: 082-507 500 Faks: 082-507 200

Hak Cipta © 2021 Jabatan Mufi Negeri Sarawak.  
Hak cipta terpelihara. Setiap bahagian daripada  
terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan  
untuk pengeluaran atau dipindahkan kepada bentuk  
lain, sama ada secara elektronik, gambar, rakaman,  
dan sebagainya tanpa izin pemilik hak cipta terlebih  
dahulu kecuali untuk tujuan ulasan.



## **Sub Editor & Prof**

Ustazah Aainaa Shahira binti Rasidi  
Ustaz Haji Mohammad Fauzi bin Haji Hairani  
Ustaz Haji Faizal bin Abdullah  
Cik Dayang Farahin binti Abang Hamdan  
Encik Muhammad Farid bin Ilyas  
Ustaz Rizqi Farouq bin Idris  
Ustaz Nur Rahimin bin Rahim  
Ustazah Razimah binti Ahmad  
Ustazah Anis A'qilah binti Ya'akup  
Puan Nurhashimah binti Ali  
Ustazah Nursharina binti Said  
Ustaz Madzlan bin Majid  
Puan Surina binti Mustapha

## **Konsep & Layout**

Ustaz Abdul Karim bin Drahman  
Ustazah Aainaa Shahira binti Rasidi  
Encik Fahmi Nazrin bin Abd Karim  
Ustazah Dalima binti Bujang

## **Koordinator Penerbitan & Edaran**

Ustazah Aainaa Shahira binti Rasidi  
Encik Fahmi Nazrin bin Abd Karim  
Ustazah Dalima binti Bujang  
Ustaz Mohamad Ujian bin Seman

## **Fotografi**

Ustaz Abdul Karim bin Drahman  
Encik Fahmi Nazrin bin Abd Karim



# ISI KANDUNGAN

**04 KALAM MUFTI**

**05 MADAH PENGARAH**

**06 DARI MEJA KETUA EDITOR**

**07 FOKUS:**  
Majlis Penyerahan Dan Perasmian Pusat Falak Miri

**10 ARTIKEL**  
Kiblat Yang Satu

**11 SIGHAH DAN PENJELASAN HUKUM**

**20 PENYINGKAP HUKUM**

**24 AKTIVITI BAHAGIAN FATWA**

- Mesyuarat Lembaga Fatwa Negeri Sarawak
- Mesyuarat Jawatankuasa Penyelidikan Dan Pengurusan Fatwa Jabatan Mufti Negeri Sarawak
- Program At-Tafaqquh
- Seminar Fatwa Peringkat Bahagian Bintulu
- Program At-Tibyan
- Program Az-Ziyarah: Mufti Dan Masyarakat
- Daurah Akidah 1443H/2021M

**31 AKTIVITI BAHAGIAN FALAK**

- Daurah Ilmiah Falakiah Siri 1-4 2021M
- Rukyah Hilal Rabiulakhir 1443 & Ceramah Falak: *Kebesaran Dan Keagungan Allah SWT di Pusat Falak Miri*
- Sembang Santai Fenomena Istiwa' A'zam
- Seminar Falak Peringkat Negeri Sarawak 1443H/2021M
- Majlis Rukyah Hilal Zulhijah 1442
- Program Ceramah Falak Dan Edaran Kalendar



**49**

**38 AKTIVITI BAHAGIAN PUSAT SUMBER**

- Program Ilmu ke Rumah
- Bengkel Celik IT: Adobe Indesign
- Bengkel Penyediaan Video Pendek
- Ziarah Mahabbah
- Membaca Gapura Ilmu
- Angka.sa2 : Ke Arah Perpustakaan Yang Sistematik
- Gerak Kerja Perpustakaan
- Buku Kanak-Kanak

**48 AKTIVITI BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN**

- Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan (MBJ) Bil 1/2021M
- Hari Integriti Dan Inovasi Jmns
- Malam Apresiasi JMNS 2021

**54 KELUARGA JMNS**

- Selamat Datang
- Tahniah
- Pelajar Praktikal

**56 LENSA JMNS**

**60 KARYA SASTERA**

**61 GLOSARI**



**33**



**36**



**48**



**50**

# *Kalam Mufti*



**SAHIBUS SAMAAH DATU HAJI KIPLI BIN HAJI YASSIN**  
Mufti Negeri Sarawak

**A**lhamdulillah dengan inayah dan rahmat Allah SWT kita masih dapat merasai nikmat anugerah-Nya. Selawat dan salam ke atas baginda Rasulullah SAW dan seluruh keluarganya. Kita rafakkan doa bersama-sama semoga kita sentiasa dalam naungan redha Allah dan pemeliharaanNya.

Tahniah dan syabas saya tujukan kepada sidang redaksi majalah serta semua warga Jabatan Mufti Negeri Sarawak (JMNS) hingga berjaya menerbitkan Majalah At-Tibyan Siri 15 ini.

Tahun 2021 telah melakar satu lagi sejarah dengan terbinanya Pusat Falak Miri yang menjadi penggerak dalam usaha jabatan untuk menjulang ilmu falak yang merupakan khazanah berharga umat Islam.

Pada kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua yang terlibat dalam menjayakan pembinaan sebuah Pusat Falak Miri yang sangat dinanti-nantikan ini.

Harapan Jabatan Mufti Negeri Sarawak semoga kita bersama-sama dapat menghayati kebesaran dan keagungan Allah SWT melalui Ilmu Falak serta dapat beramal dengan ilmu yang benar sebagai mana yang dianjurkan oleh baginda Rasulullah SAW dan para sahabat baginda.

Saya berdoa kepada Allah Azza Wa Jalla agar mengurniakan kita kekuatan untuk terus memberi manfaat untuk agama, bangsa dan negara. Semoga Allah terima dan mengampunkan kita semua.

Sekian, terima kasih

# Madah Pengarah



**SAHIBUL FADHILAH TUAN HAJI MUAL BIN HAJI SUAUD**  
Pengarah Jabatan Mufti Negeri Sarawak

Segala puji bagi Allah Azza Wa Jalla Tuhan pemilik alam dan segala isinya. Selawat dan salam kepada junjungan besar Nabi Muhammad SAW.

Syukur Alhamdulillah, dengan kurnia Allah SWT maka kami telah dapat sekali lagi menyempurnakan penerbitan Majalah at-Tibyan Siri 15 ini sebagai kesinambungan kepada siri-siri yang lalu.

Di kesempatan ini saya juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada sidang redaksi Majalah At-Tibyan Siri 15 di atas komitmen yang jitu. Semoga usaha murni yang telah kita sama-sama curahkan untuk terbitan kali ini akan diganjar Allah SWT.

Sejarah terlakar pada tahun 2021 dengan terbinanya Pusat Falak Miri yang menjadi satu lagi mercu tanda umat Islam khususnya di negeri Sarawak. Ia pastinya akan menjadi pusat perkembangan Ilmu falak yang sangat diperlukan dalam ibadah seharian umat Islam.

Melalui penerbitan ini juga, Jabatan Mufti Negeri Sarawak menaruh harapan besar agar maklumat kefatwaan yang tepat dan berautoriti dapat disampaikan kepada seluruh umat Islam Negeri ini.

Semoga usaha ini mendapat rahmat dan dipermudahkan oleh Allah SWT demi ummah yang sejahtera insya-Allah.

# Dari Meja Ketua Editor



**USTAZAH RADIYAH BINTI HAJI AFFANDI**  
Ketua Editor

## FIRMAN ALLAH SWT:

“Wahai orang-orang yang beriman! Masuklah kamu ke dalam agama Islam (dengan mematuhi) segala hukum-hukumnya; dan janganlah kamu menurut jejak langkah Syaitan; sesungguhnya syaitan itu musuh bagi kamu yang terang nyata.”

(Surah al-Baqarah 2:208)

Ayat ini jelas mengisyaratkan kepada kita bahawa orang beriman akan mengikut ajaran Islam sepenuhnya yang mencakupi semua aspek kehidupan seperti ekonomi, sosial, politik dan sebagainya untuk memperoleh ketakwaan. Pengabdian orang beriman kepada Allah SWT mestilah bersifat mutlak dan tidak ada keraguan terhadap kebenaran suruhan serta larangan-Nya.

Oleh itu, marilah bersama-sama kita berusaha meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT dengan berjihad menunaikan semua kewajipan dan meninggalkan larangan-Nya.

Justeru itu, Jabatan Mufti Negeri Sarawak (JMNS) berusaha untuk menyampaikan maklumat yang tepat dan berautoriti termasuk melalui terbitan ini agar dapat membantu masyarakat dalam menghayati Islam dengan sempurna. JMNS sentiasa berusaha menyampaikan sebanyak mungkin.

Selain memuatkan laporan program dan aktiviti jabatan, Majalah at-Tibyan siri ini juga mengajak pembaca memahami apakah hukum pelupusan anggota, tisu dan janin orang Islam, hukum berkenaan mata wang kripto (cryptocurrency), hukum ibadah korban melalui ejen dan lain-lain.

Tahun 2021M juga menyaksikan JMNS mencipta sejarah baru dengan terbinanya Pusat Falak Miri yang menjadi pusat perkembangan ilmu falak yang menjadi rujukan ibadah ummah.

Semoga Majalah at-Tibyan ini dapat memberi manfaat dan menjadi panduan dalam kehidupan kita seharian. Semoga kita semua menjadi hamba Allah SWT yang sentiasa berusaha melaksanakan tuntutan agama dengan bersungguh-sungguh agar mendapat rahmat Allah SWT.



## MAJLIS PENYERAHAN DAN PERASMIAN PUSAT FALAK MIRI

**I**mpian Jabatan Mufti Negeri Sarawak (JMNS) untuk memiliki bangunan sendiri bagi melaksanakan aktiviti cerapan telah menjadi kenyataan apabila projek pembinaan Pusat Falak Miri telah siap dibina pada 3 Zulhijah 1442 bersamaan 13 Julai 2021.

Pada tahun 2014, JMNS telah mengambil inisiatif untuk menubuhkan Pusat Falak Miri bagi tujuan penambahbaikan dan memudahkan tugas para pegawai dalam memenuhi fungsi bahagian Falak. Bahagian Falak JMNS bertanggungjawab dalam menguruskan majlis rukyah hilal (cerapan anak bulan) dan penyediaan takwim waktu solat seluruh negeri Sarawak. Selain itu, bahagian ini juga melaksanakan aktiviti cerapan fenomena alam seperti gerhana matahari dan gerhana bulan serta menganjurkan program-program pendidikan yang berkaitan dengan ilmu falak kepada masyarakat setempat.

Pembangunan pusat falak ini mampu bertindak sebagai pusat cerapan & takwim, pusat penyelidikan, pusat pendidikan dan perkembangan ilmu falak serta pusat astro-pelancongan. Cadangan untuk pembinaan Pusat Falak Miri ini telah dikemukakan kepada Kerajaan Negeri dan telah disenaraikan sebagai Projek Keutamaan Negeri Sarawak dalam RMK ke-11 Negeri Sarawak (2016-2020).

Pusat falak yang sepatutnya dibina di Stesen Tanjung Lobang, Miri ini telah ditukarkan lokasi ke

Luak Esplanade Miri atas beberapa faktor muka bumi setelah beberapa kajian telah dilaksanakan. Pembangunan projek ini dilaksanakan dengan kerjasama pelbagai jabatan seperti Jabatan Kerja Raya Sarawak (JKR), Jabatan Tanah dan Survei Sarawak, Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM), Unit Perancang Ekonomi Jabatan Ketua Menteri Sarawak dan jabatan-jabatan yang lain.

Projek Pusat Falak Miri ini telah berjaya direalisasikan dan siap sepenuhnya pada 3 Zulhijah 1442 bersamaan 13 Julai 2021 dan Majlis Penyerahan Projek daripada pihak JKR kepada JMNS telah diadakan pada 4 Muharam 1443 bersamaan 13 Ogos 2021.





Majlis Penyerahan Pusat Falak Miri ini disempurnakan oleh Mufti Negeri Sarawak, Sahibus Samahah Datu Haji Kipli bin Haji Yassin dan telah dihadiri oleh wakil dari beberapa buah jabatan iaitu Jabatan Kerja Raya Sarawak, Jabatan Tanah dan Survei Sarawak, Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia dan jabatan-jabatan yang lain.

Simbolik penyerahan Pusat Falak Miri telah dilaksanakan dengan sesi penyerahan replika kunci yang disampaikan oleh Tuan Ir. Teo Nguong Leong, Pengurus Jabatan Kerja Raya Wilayah Utara kepada Pengarah JMNS, Tuan Haji Mual bin Suaud dan disaksikan oleh Mufti Negeri Sarawak, Sahibus Samahah Datu Haji Kipli bin Haji Yassin.

Pada 17 Safar 1443 bersamaan 24 September 2021 pula, Majlis Perasmian Pusat Falak Miri telah disempurnakan oleh Ketua Menteri Sarawak, Yang Amat Berhormat Datuk Patinggi (Dr) Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Datuk Abang Haji Openg dan telah dilaksanakan dengan jayanya mengikut prosedur operasi standard (SOP) yang telah ditetapkan.

Hadir sama Menteri Pengangkutan Sarawak Yang Berhormat Datuk Lee Kim Shin, Menteri Muda Hal Ehwal Islam dan DBKU dan Menteri Muda Utiliti Sarawak (Bekalan Air), Yang Berhormat Datuk Dr Haji Abdul Rahman bin Haji Junaidi, Menteri Muda Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan Sarawak, Yang Berhormat Datuk Sebastian Ting

Chiew Yew, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Lambir, Yang Berhormat Ripin bin Lamat, Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak (Transformasi Sosioekonomi) Yang Berbahagia Dato Sri Haji Mohamad Abu Bakar bin Marzuki, Yang Dipertua Majlis Islam Sarawak (MIS) Datu Haji Misnu Bin Haji Taha, Residen Bahagian Miri, Abdul Aziz bin Mohd Yusuf, Datuk Bandaraya Miri Adam Yii Siew Sang, ketua-ketua jabatan dan tetamu-tetamu jemputan yang lain.

Ketua Menteri Sarawak berkata dalam ucapannya dalam majlis perasmian tersebut, ilmu falak bukan hanya untuk mengesahkan kedatangan Ramadan, namun sebenarnya mempunyai peranan begitu luas dalam kehidupan manusia. Jelasnya, tidak mustahil program pembangunan di pusat tersebut juga boleh dimanfaatkan untuk mengkaji dan menjangka beberapa fenomena dan bencana alam di negeri itu termasuk kejadian banjir.

Tambah beliau, kerajaan negeri akan terus komited untuk mengembangkan ilmu falak di negeri itu selaras dengan agenda pembangunan teknologi digital yang sedang diperkasakan. Selain itu, pembukaan pusat falak ini secara langsung akan memberi pendedahan yang holistik mengenai ilmu falak dan sains astronomi kepada para pelajar di setiap institusi pendidikan serta orang awam khususnya di bahagian Miri.

Seterusnya, simbolik perasmian Pusat Falak Miri telah disempurnakan oleh Ketua Menteri Sarawak Yang Amat Berhormat Datuk Patinggi (Dr) Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Datuk Abang Haji Openg dengan upacara menggabungkan replika anjung platform cerapan pada replika bangunan Pusat Falak Miri.

Yang Amat Berhormat Ketua Menteri dan tetamu jemputan yang lain turut meninjau sekitar Pusat Falak Miri dengan menyaksikan aktiviti cerapan di platform cerapan serta melawat ke bilik pameran falak seterusnya menanam pokok di kawasan hadapan Pusat Falak Miri.



## KIBLAT YANG SATU



**K**aabah merupakan sebuah bangunan yang terletak di tengah-tengah kota Makkah yang juga dikenali sebagai Baitullah yang menjadi kiblat umat Islam dalam melaksanakan ibadah. Dua daripada rukun Islam mempunyai kaitan dengan Kaabah sebagai kiblat ialah ibadah solat dan tawaf mengelilingi Kaabah semasa menunaikan haji dan umrah.

Perkara ini merujuk kepada firman Allah SWT yang bermaksud: "Dan (ingatlah) ketika kami jadikan rumah suci (Baitullah) itu tempat tumpuan bagi umat manusia (untuk ibadah haji) dan tempat yang aman, dan jadikanlah oleh kamu makam Ibrahim itu tempat sembahyang.

Kaabah juga merupakan rumah ibadah yang pertama dibina di muka bumi sepertimana firman Allah SWT yang bermaksud:

"Sesungguhnya rumah ibadat yang mula-mula dibina untuk manusia (beribadat kepada Tuhannya) ialah Baitullah yang di Makkah yang berkat dan (dijadikan) petunjuk hidayah bagi umat manusia".

(Surah Ali-Imraan 3:96)

Pembinaan Kaabah yang dilaksanakan oleh Nabi Ibrahim dan Nabi Ismail adalah atas perintah Allah SWT dan telah diperintahkan agar disucikan daripada segala kesyirikan sepertimana firman-Nya yang bermaksud:

"Dan Kami perintahkan kepada Nabi Ibrahim dan Nabi Ismail (dengan berfirman) bersihkanlah rumah-Ku (Kaabah dan Masjidil Haram dan segala yang dilarang) untuk orang-orang yang bertawaf dan orang-orang yang beriktikaf (yang tetap tinggal padanya), dan orang-orang yang rukuk dan sujud. Dan (ingatlah), ketika Ibrahim berdoa: "Ya Tuhanku, jadikanlah negeri ini, negeri yang aman sentosa, dan berikanlah rezeki dari buah-buahan kepada penduduknya yang beriman diantara mereka kepada Allah dan hari kemudian. Allah berfirman: "Dan kepada orang yang kafir pun Aku beri kesenangan sementara, kemudian Aku paksa ia menjalani siksa neraka dan itulah

seburuk-buruk tempat kembali". Dan (ingatlah) ketika Nabi Ibrahim bersama-sama Nabi Ismail meninggikan binaan asas-asas (tapak) Baitullah (Kaabah) itu, sambil keduanya berdoa dengan berkata: "Wahai Tuhan kami! Terimalah daripada kami (amal kami); sesungguhnya Engkaulah yang Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui".

(Surah al-Baqarah 2: 125-127)

Menurut tafsir at-Thabari ayat 127 surah al-Baqarah ini diturunkan sewaktu tiba di Makkah Nabi Ibrahim berkata: "Wahai Ismail! Allah SWT telah memberikan perintah kepadaku", "lakukanlah apa yang telah diperintahkan Allah SWT kepadamu, Ayah" jawab Ismail. Nabi Ibrahim berkata lagi: "Apakah kamu akan menolongku?" Nabi Ismail menjawab: "Ya, aku akan menolongmu". "Sesungguhnya Allah SWT menyuruhku membuat sebuah Baitullah di sini!" Sambil memberikan isyarat ke arah Kaabah sedangkan Kaabah lebih tinggi daripada tanah di sekitarnya. (Tafsir at-Thabari/ Abu Ja'far Muhammad bin Jarir At-Thabari; penterjemah, Ahsan Askan, 2007).

Firman Allah SWT lagi yang bermaksud:

"Dan (ingatkanlah peristiwa) ketika Kami tentukan bagi Nabi Ibrahim tempat Kaabah (untuk membinanya, lalu Kami berfirman kepadanya): "Janganlah engkau sekutukan sesuatu pun denganKu, dan bersihkanlah rumah-Ku (Kaabah ini) bagi orang-orang yang tawaf, dan orang-orang yang berdiri dan yang rukuk serta yang sujud (mengerjakan sembahyang)".

(Surah al-Haj 22: 26)

Daripada keterangan ayat di atas jelas menunjukkan bahawa Kaabah bukanlah dibina untuk disembah seperti berhala tetapi ia hanyalah sebagai tempat menghadapkan diri semasa melaksanakan ibadah kepada Allah SWT.

Bukanlah orang Islam itu menyembah Kaabah tetapi ia merupakan pemusatan dan kesatuan ibadah umat Islam di mana ketika melaksanakan ibadah solat misalnya, wajib menghadap kiblat walau di mana sahaja berada. Firman Allah SWT yang bermaksud :

"Dan di mana saja kamu berada, palingkanlah mukamu ke arah Kaabah".

(Surah al-Baqarah 2:144)

Nabi Muhammad SAW juga bersabda:

"Apabila hendak solat, berwuduklah dengan sempurna kemudian menghadaplah kamu ke arah kiblat dan bertakbirlah".

(Hadis Riwayat Ibn Majah, no.1060)

Inilah signifikan penyatuan umat Islam baik dalam ibadah ketaatan kepada Allah SWT dan juga hubungan sesama makhluk. Umat Islam daripada seluruh pelusuk dunia melaksanakan ibadah yang sama dan kiblat yang sama tanpa dibezakan oleh warna kulit, bahasa, dan kaum kerana di sisi Allah SWT orang yang paling mulia adalah yang paling bertakwa.



## HUKUM PENGGUNAAN DANA ZAKAT DI BAWAH ASNAF ***FISABILILLAH***

Zakat merupakan satu rukun Islam. Kewajipan melaksanakannya telah ditegaskan dalam al-Quran, hadis, dan ijmak. Zakat dikategorikan oleh ulama sebagai ibadat harta dan juga ibadat badan seperti solat. Ganjaran pelaksanaannya ialah kesucian serta keberkatan harta di dunia ini, di samping pahala yang dijanjikan oleh Allah di akhirat.

Zakat menurut bahasa ialah berkembang dan bertambah. Orang Arab mengatakan zakkaa az-zar'u iaitu apabila tanaman itu berkembang dan bertambah hasilnya. Demikian juga mereka menyebut zakat an-nafaqah apabila perbelanjaan (nafkah) menjadi berkat. Zakat juga dikenali dengan makna suci. Firman Allah SWT yang bermaksud:

“Sesungguhnya  
beruntunglah orang  
yang mensucikannya  
(jiwa itu).”

(Surah asy-Syams 91:9)

Allah SWT telah menetapkan asnaf yang berhak menerima zakat itu daripada lapan golongan sepertimana firman-Nya yang bermaksud:

“Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir, dan orang-orang miskin, dan amil-amil yang mengurusnya, dan orang-orang muallaf yang dijinakkan hatinya, dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekakan dirinya, dan orang-orang yang berhutang,

dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah, dan orang-orang musafir (yang terputus bekalan) dalam perjalanan. (Ketetapan hukum yang demikian itu ialah) sebagai satu ketetapan (yang datangnya) dari Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana”. (Surah At-Taubah 9:60)

Para ulama menerangkan tentang penggunaan zakat bagi golongan asnaf fisabilillah seperti berikut:

a. Menurut al-Kasani, dalam kalangan asnaf itu ada disebut fisabilillah (untuk kepentingan di jalan Allah SWT) atau urusan-urusan lain yang termasuk dalam skopnya. Oleh sebab itu, semua gerak kerja dalam melakukan ketaatan kepada Allah SWT dan jalan-jalan kebaikan apabila diperlukan boleh dikategorikan sebagai kepentingan fisabilillah. Hal ini kerana fisabilillah itu bersifat umum yang merangkumi pelbagai aspek seperti pembangunan masjid dan sebagainya. Anas r.a dan al-Hasan berkata, “Apa yang diberikan untuk pembangunan jambatan dan jalan termasuk sedekah.”

b. Imam al-Razi dalam tafsirnya, menyatakan bahawa zahir lafaz pada perkataan fisabilillah dalam ayat 60 surah at-Taubah itu tidak wajar dikhususkan kepada maksud orang yang berperang semata-mata. Beliau kemudian memetik bahawa al-Qaffal dalam tafsir beliau telah menyebut pandangan beberapa fuqaha bahawa zakat boleh dibelanjakan untuk apa sahaja tujuan kebaikan, termasuk menyempurnakan (mengkafankan) jenazah, membina benteng atau kubu pertahanan dan membina masjid.

c. Sadiq Hasan Khan dalam al-Rawdah al-Nadiyyah menyatakan bahawa walaupun jihad pada jalan Allah

SWT adalah sebesar-besar jalan untuk mendekati diri kepada Allah SWT, tetapi tidak terdapat dalil yang mengkhususkan maksud lafaz fisabilillah kepada makna perang di jalan Allah SWT semata-mata, sebaliknya ia boleh ditafsirkan dengan maksud apa sahaja perbuatan yang boleh mendekati diri kepada Allah SWT.

d. Ada pandangan fuqaha yang mengharuskan kutipan zakat digunakan dalam perkara-perkara yang boleh mendekati diri kepada Allah SWT maka diharuskan kutipan zakat ini diberi kepada golongan ulama walaupun mereka terdiri daripada golongan kaya. Ini kerana golongan ulama berjuang untuk mendidik anak bangsa dalam soal-soal keagamaan. Justeru, mereka juga berhak dalam soal agihan kutipan zakat tanpa mengira sama ada mereka ini daripada golongan kaya atau miskin. Selain itu, membelanjakan agihan kutipan zakat kepada ulama dalam soal fisabilillah adalah sebaik-baik perkara kerana para ulama adalah pewaris para nabi, di tangan merekalah terpelihara syariat Islam.

e. Al-Syeikh Mohamad Rashid Reda mentafsirkan lafaz fisabilillah dengan memasukkan penyediaan tentera, makanan tentera, pengebumian jenazah tentera, mendirikan hospital tentera, hospital awam dan semua yang berkait dengan kepentingan umum sebagai layak menerima pembiayaan zakat dari asnaf fisabilillah. Guru-guru yang mengajar ilmu-ilmu syariah dalam bidang agama juga boleh menerima pembiayaan zakat dari asnaf fisabilillah selama mana mereka tidak menerima pembiayaan daripada sumber lain kerana ia juga termasuk dalam kategori kepentingan umum.

f. Al-Syeikh Muhammad Shaltut dalam mendefinisikan al-Masolih al-'Ammah, beliau menerangkan bahawa yang dimaksudkan al-Masolih al-'Ammah adalah sesuatu yang bukan milik individu tertentu, bukan juga terhad manfaatnya terhadap individu tertentu, ia adalah milik Allah SWT dan manfaatnya adalah untuk semua makhluk Allah SWT seperti menyediakan askar untuk bertindak terhadap pemberontak, membina hospital tentera dan awam, membuat dan memperbaiki jalan, menyambung atau membina landasan kereta api, menghantar para pendakwah Islam dan kerja-kerja menjaga kehormatan dan kemuliaan al-Quran. Selain itu, manfaatnya juga untuk membina masjid yang belum ada di dalam sesuatu kariah atau membina masjid yang kedua dengan syarat masjid yang sedia ada tidak mampu untuk menampung jemaah yang ramai dan memerlukan pembinaan masjid baharu atau memperbaiki masjid yang sedia ada.

g. Al-Qaradhawi menyebut bahawa pengertian fisabilillah dalam ayat pengagihan zakat ialah jihad sepertimana pendapat jumhur. Beliau juga tidak



mengehadkan jihad dengan makna peperangan semata-mata. Bahkan memperluaskan jihad dalam bentuk pemikiran, pendidikan, penulisan, perekonomian, politik, kemasyarakatan dan sebagainya. Apa yang penting adalah untuk meninggikan kalimah Allah SWT dan mempertahankan Islam. Antaranya mendirikan pusat dakwah yang memberi kefahaman Islam yang betul dan menyampaikan ajaran Islam kepada bukan Islam, mendirikan pusat-pusat pendidikan, menubuhkan kilang-kilang percetakan untuk menerbitkan serta menyebarkan risalah-risalah dan buku-buku Islam. (Fiqh al-Zakat, 2/666-681)

Berdasarkan pandangan ulama mengenai penggunaan zakat asnaf fisabilillah, maka ia adalah diharuskan untuk digunapakai bagi tujuan kebaikan umat Islam. Oleh itu, Mesyuarat Lembaga Fatwa Negeri Sarawak yang bersidang pada 19 Safar 1442 bersamaan 7 Oktober 2020 telah memutuskan mengenai **HUKUM PENGGUNAAN DANA ZAKAT DI BAWAH ASNAF FISABILILLAH** adalah seperti berikut:

Harus menggunakan wang zakat di bawah asnaf fisabilillah untuk apa-apa tujuan yang bertepatan dengan kehendak syarak dengan melihat kepada keperluan atau keutamaan terhadap permohonan yang diterima setelah mendapat kelulusan Mufti.

# HUKUM BERKENAAN MATA WANG KRIPTO (CRYPTOCURRENCY)

**M**ata wang kripto ialah satu aset digital yang tidak zahir tetapi dianggap mempunyai nilai. Nilainya boleh dialih (transfer), diagih (distribute) dan ditukar (exchange) di mana pemindahannya adalah secara terus (peer-to-peer) tanpa melalui pihak ketiga contohnya bank. Melalui teknik yang dipanggil kriptografi, pemindahan data yang berlaku di atas talian akan dapat disulitkan (encryption) dengan menggunakan protokol berasaskan pada prinsip matematik lanjutan dan prinsip kejuruteraan komputer yang menjadikan ia hampir mustahil untuk dicerobohi, diduplikasi ataupun dipalsukan.

Mata wang kripto yang dihasilkan melalui kaedah cryptography merupakan aset digital yang kebanyakannya bersifat tidak berpusat (decentralised) dari sudut penghasilan, penggunaan dan regulasi. Berasaskan teknologi blockchain, cryptocurrency pertama yang dikenali sebagai bitcoin telah dikeluarkan pada tahun 2009. Selepas itu, berbagai jenis mata wang kripto telah dikeluarkan di seluruh dunia. Disebabkan oleh ciri-cirinya yang unik, kaedah pengeluaran dan penggunaannya yang kompleks, ia telah menjadi topik perbincangan yang mencetuskan kontroversi dan polemik dalam kalangan ilmuan dan masyarakat awam.

Mata wang kripto (khususnya bitcoin) diguna pakai sebagai mata wang dalam dua keadaan:

- a. Kaedah pembayaran (mode of payment) dalam transaksi jual beli terutamanya secara maya (online transactions). Kaedah ini lebih mirip kepada penggunaan duit elektronik (e-money) seperti Paypal, Touch & Go dan lain-lain. Apa yang membezakan antara kedua-dua kaedah ini adalah mata wang kripto bersifat wang

digital yang nilainya boleh ditukar kepada mata wang fiat seperti Dollar, Ringgit, Euro dan Pound Sterling melalui platform pertukaran (exchanges); manakala e-money menyimpan nilai dalam mata wang fiat bergantung kepada jenis-jenisnya dan mempunyai perantara yang mengendalikan transaksi pembayaran; dan

- b. Kaedah penghantaran/ kiriman wang (remittance) yang lebih efisien dari sudut kos dan masa berbanding kaedah-kaedah tradisional seperti Western Union, Telegraphic Transfer dan sebagainya. Penerima mata wang kripto kemudiannya boleh menukar nilainya kepada mata wang fiat melalui platform pertukaran.

Ini menunjukkan fungsi mata wang kripto sebagai mata wang masih lagi terhad kepada perantara penyelesaian (medium of settlement) dan tidak dijadikan tanda aras/ kayu ukur harga barangan atau servis dan tidak menyimpan nilai harta (store of value), sedangkan Ibn Qayyim dalam kitabnya yang masyhur, l'lam al-Muwaqqi'in (1991, juzuk 2, ms. 105) telah menyebut secara jelas bahawa:

Maksudnya: ***"Harga ialah kayu ukur bagi menilai sesuatu harta. Justeru, ia mesti ditentukan dan dikawal supaya nilainya tidak turun dan naik. Ini kerana, sekiranya sesuatu yang berfungsi sebagai harga boleh turun dan naik seperti komoditi, kita tidak akan mendapat harga (yang standard) yang boleh dijadikan sandaran bagi menentukan sesuatu barangan yang dijual. Sebaliknya, semua akan bersifat komoditi..."***

Berbanding dengan mata wang fiat, penggunaan mata

wang kripto sebagai tanda aras penentuan harga sesuatu barangan atau servis (unit of account/ measurement of value) amat minimum dan terhad. Sebagai contoh, majoriti peruncit atau pedagang yang menerima bayaran dalam bentuk mata wang kripto meletakkan harga barang jualan atau servis dalam mata wang fiat.

Di samping itu, peruncit atau pedagang akan segera menukarkan nilai mata wang kripto kepada mata wang fiat yang setara bagi mengelak dari terdedah kepada sebarang penurunan atau kenaikan mendadak harga mata wang kripto.

Berbeza dengan mata wang fiat yang nilai thamaniyyah mutlaqah dan maliyyah terletak kepada pengiktirafan nilai oleh kerajaan sebagai legal tender, mata wang kripto bergantung sepenuhnya kepada kepercayaan pengguna terhadap kemantapan keseluruhan ekosistem yang mendokong teknologi pembuatan mata wang kripto seperti yang dibincangkan di atas.



## Kesimpulan Berkaitan Status Mata Wang Kripto Sebagai “Mata Wang”

Mata wang kripto mempunyai nilai thamaniyyah dan maliyyah. Nilai ini datangnya dari teknologi yang mendasarinya yang menimbulkan kepercayaan (trust) dan seterusnya membawa kepada ia digunakan. Namun statusnya sebagai mata wang masih bersifat sekunder dan nisbi kerana masih bergantung kepada mata wang fiat dan hanya memenuhi satu fungsi sahaja daripada tiga fungsi utama mata wang sebagaimana dijelaskan di atas.

Teknologi blockchain yang diguna pakai dalam penghasilan bitcoin dan beberapa mata wang kripto yang

lain adalah bersifat neutral. Begitu juga produk akhir yang terhasil daripada teknologi tersebut seperti mata wang kripto, sama ada dalam bentuk coin atau token. Justeru, ia seharusnya mengambil hukum asal dalam transaksi muamalat, iaitu harus (al-ibahah al-asliyyah), berdasarkan kaedah fiqh yang mengharuskan semua perkara (dalam bab transaksi muamalat) sekiranya tiada nas syarak yang khusus dan nyata melarang perkara tersebut (al-Nadwi, 2000). Walau bagaimanapun, kaedah asal ini boleh bertukar kepada hukum lain jika penggunaannya tidak menepati kehendak syarak.

Di samping itu, ulama tidak menghadkan mata wang yang berfungsi sebagai media transaksi kepada emas dan perak sahaja. Malah, ulama mengiktiraf istilah mata wang selagi mana masyarakat menerimanya (terdapat rawaj), dan terdapat nilai kewangan, keberhartaan dan kepercayaan masyarakat yang melayakkan objek tersebut diklasifikasikan sebagai mata wang.

Dalam konteks mata wang fiat, Majma’ Fiqh Islami di bawah naungan Muslim World League di Mekah (Sesi No. 5, Resolusi No. 6) memutuskan:

*“Nilainya (wang kertas) tidak terbentuk secara sendiri (iaitu tidak bersifat intrinsik), sebaliknya didapati melalui unsur luaran, iaitu kepercayaan kepada mata wang kertas sebagai media pertukaran. Kepercayaan tersebut merupakan hujah dan dalil kepada nilai harga/ mata wang.”*

Adalah jelas di dalam petikan di atas dan juga di dalam rujukan klasik bahawa “legal tender” bukanlah antara syarat untuk menjadikan sesuatu mata wang itu diiktiraf oleh syarak. Kepercayaan dan penerimaannya oleh masyarakat sebagai alat pertukaran adalah antara ciri utama sesuatu mata wang.

Sekiranya mata wang kripto (sebagai kaedah pembayaran dan pemindahan wang) digunakan (sama ada secara terus atau melalui platform pertukaran) untuk tujuan yang menyalahi undang-undang syarak seperti jual beli barangan yang diharamkan seperti dadah yang diharamkan, pembiayaan aktiviti-aktiviti haram seperti keganasan dan penggubahan wang haram, maka hukum asal mata wang kripto bertukar daripada harus kepada haram, sama seperti hukum penggunaan wang fiat dalam aktiviti haram.

Di atas sifat “thamaniyyah” mata wang kripto, walaupun secara sandaran (nisbi) kepada mata wang fiat, maka

sewajarnya ia mengambil hukum ribawi mata wang fiat.

Oleh itu, mata wang kripto (Cryptocurrency) dapat dirumuskan sebagaimana berikut:

1. Hukum asal mata wang kripto adalah harus. Nilai mata wang kripto yang tidak bersandarkan kepada komoditi dan tidak dikeluarkan oleh pihak berautoriti adalah bergantung kepada kekuatan teknologi yang mendokongnya. Mata wang kripto yang memiliki kekuatan teknologi akan mendapat kepercayaan (trust) dan diterima penggunaannya.
2. Penggunaan mata wang kripto sebagai media transaksi masih bergantung kepada mata wang fiat menjadikannya mata wang sekunder dan alternatif yang tidak boleh berdiri dengan sendiri (independent).
3. Justeru, adalah harus untuk bermuamalah dengan mata wang kripto, sebagai perantara pembayaran (medium of payment), pemindahan wang (remittance) dan aset simpanan, sekiranya parameter di bawah dipenuhi:
  - I. Pertukaran antara mata wang kripto dan mata wang fiat dilakukan dengan memenuhi tuntutan jual beli mata wang (sarf). Kedudukan mata wang kripto sebagai mata wang sekunder dan nisbi adalah lebih dekat cirinya dengan mata wang fiat. Oleh itu, sewajarnya ia mengambil hukum ribawi atas alasan yang sama iaitu thamaniyat. Sehubungan itu, segala syarat muamalat mata wang fiat sebagai item ribawi juga terpakai ke atas mata wang kripto.
  - II. Pengguna hendaklah mempunyai pengetahuan yang mencukupi tentang jenis dan ciri-ciri utama mata wang kripto. Pengguna sepatutnya hanya berurusan dengan mata wang kripto yang disokong oleh asas teknologi yang kukuh.
  - III. Pengguna hendaklah mempunyai pengetahuan teknikal yang mencukupi mengenai bagaimana untuk memperoleh mata wang kripto dan di mana ia perlu disimpan untuk memastikan keselamatannya. Ini termasuk maklumat tentang cara memilih e-wallet dan platform pertukaran yang dikawal selia oleh pihak berautoriti sahaja. Pengguna juga harus mempunyai maklumat yang mencukupi tentang cara menyimpan kunci persendirian dengan selamat dan

mempunyai tahap pemahaman yang baik mengenai keselamatan siber dan protokol privasi.

- IV. Pengguna seharusnya mengetahui mengenai peraturan yang dikenakan oleh platform pertukaran mata wang kripto. Perlu ditekankan di sini bahawa sesetengah platform pertukaran mempunyai sekatan tertentu, contohnya pengguna tidak boleh mengeluarkan wang tunai dalam amaun yang banyak. Sekatan tersebut perlulah diketahui oleh pengguna.
- V. Jika pengguna mengambil bahagian dalam Tawaran Awal Mata wang Kripto (ICO), mereka hendaklah mempunyai keupayaan di dalam memahami dan menilai Kertas Putih Mata Wang Kripto (Cryptocurrency White Paper) yang dikeluarkan bagi mengelakkan mereka dimanipulasi dan ditipu dengan mudah.
- VI. Pengguna hendaklah memahami dengan jelas bahawa nilai mata wang kripto mungkin mengalami perubahan yang ketara dan besar dalam masa yang singkat. Nilainya juga berkemungkinan akan turun sehingga mencapai sifar.
- VII. Pengguna hendaklah sedar bahawa semua mata wang kripto (setakat ini) tidak dijamin dan disokong oleh bank pusat atau pihak pengawal selia yang lain. Dalam kes kerugian, atas sebab apa pun, pengguna harus maklum bahawa ia tidak dilindungi sebagai pengguna.




4. Penggunaan mata wang kripto diharuskan berasaskan kepada hujah berikut:
  - a. Hukum asal ke atas sesuatu khususnya di dalam muamalat adalah harus.
  - b. Perkara asas di dalam muamalat adalah keredaan pihak-pihak yang berkontrak. Mereka boleh bersepakat untuk menerima apa saja (kecuali sesuatu yang diharamkan syarak) termasuk mata wang kripto sebagai penyelesaian kepada barangan yang dijual dan perkhidmatan yang ditawarkan. Dengan adanya keredaan ini, maka kebimbangan akan berlaku pertelingkahan (niza') antara pihak-pihak yang berkontrak akan dapat dihindarkan.
5. Adalah haram menggunakan mata wang kripto sebagai bayaran kepada barangan dan perkhidmatan tidak patuh syariah. Begitu juga haram bagi sesiapa menggunakannya sebagai alat untuk aktiviti penggubahan wang haram (money laundering) atau mana-mana aktiviti yang menyalahi syarak dan undang-undang.
6. Kerajaan yang diwakili oleh bank pusat atau mana-mana pihak berkuasa yang berkaitan boleh mengawal atau melarang penggunaan mata wang kripto. Dari perspektif syariah, kerajaan boleh mengharamkan atau meletakkan syarat ke atas sesuatu yang halal dan harus (diistilahkan sebagai taqyid al-mubah) jika ianya boleh membawa kemudaratan kepada masyarakat. Jika ini berlaku, contohnya pengharaman oleh kerajaan, berurusan dengan mata wang kripto akan dianggap sebagai tidak mematuhi syariah. Di dalam hal ini misalnya, berasaskan kepada laporan bahawa sebahagian besar aktiviti Tawaran Awal Mata wang Kripto (ICO) adalah sebenarnya skim penipuan, keterlibatan masyarakat di dalam aktiviti ini adalah haram. Ini adalah untuk menjaga kemaslahatan umum dalam konteks sadd al-zari'ah (menutup pintu yang boleh membawa kepada kemudaratan). Pengecualian boleh diberikan jika aktiviti ini dilakukan melalui kebenaran rasmi pihak pengawal selia yang telah memastikan bahawa ia bukanlah aktiviti penipuan.
7. Aktiviti melombong (mining) adalah pada asalnya harus. Namun ini juga bergantung kepada kontrak yang sepatutnya juga patuh syariah.

8. Adalah disarankan agar pihak berautoriti mengambil langkah yang sewajarnya di dalam mengawal selia muamalat berkaitan mata wang kripto, khususnya ke atas platform pertukaran (exchanges). Ini adalah untuk memastikan pengguna mata wang kripto dapat dilindungi. Pengawalseliaan platform pertukaran juga akan mengurangkan kebarangkalian penggunaan mata wang kripto untuk aktiviti jenayah atas alasan identiti penggunanya tidak diketahui. Platform pertukaran yang dikawal selia akan melaksanakan proses mengenali pelanggan (know your customer) yang sewajarnya sebelum membenarkan mereka menggunakan platform tersebut di dalam urusan yang berkaitan dengan mata wang kripto.

Mesyuarat Lembaga Fatwa Negeri Sarawak Kali Ke-36 yang bersidang pada 21 Jamadilakhir 1442 bersamaan 3 Februari 2021 memutuskan Hukum Berkenaan Mata Wang Kripto (Cryptocurrency) adalah seperti berikut: Harus digunakan untuk menjalankan urus niaga sama ada bagi tujuan pelaburan, perdagangan dan aset simpanan sekiranya memenuhi parameter berikut:

1. Urus niaga hendaklah dilakukan melalui platform pertukaran mata wang digital berlesen yang dilulus dan dikawal selia oleh pihak berautoriti sahaja.
2. Pengguna hendaklah mempunyai pengetahuan yang jelas mengenai perkara berikut:
  - i. Jenis, ciri-ciri utama dan risiko berkaitan mata wang digital.
  - ii. Kaedah untuk memperolehi mata wang digital dan di mana ia perlu disimpan untuk memastikan keselamatannya.
  - iii. Peraturan yang ditetapkan oleh platform pertukaran mata wang digital.
  - iv. Undang-undang dan peraturan yang berkaitan mata wang digital.
3. Mata wang digital tidak boleh digunakan sebagai bayaran kepada barangan, perkhidmatan dan aktiviti yang tidak patuh syariah seperti pembelian dadah, pelacuran, perjudian dan penyaluran dana bagi aktiviti keganasan serta penggubahan wang haram; dan
4. Menerima keputusan Security Commission (SC) sebagai komoditi dan tertakluk kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan.

# HUKUM PELUPUSAN ANGGOTA, TISU DAN JANIN ORANG ISLAM



**M**esyuarat Lembaga Fatwa Negeri Sarawak Kali Ke-31 yang bersidang pada 8 Ramadhan 1439 bersamaan 24 Mei 2018 sebulat suara memutuskan mengenai **Hukum Pelupusan Anggota, Tisu Dan Janin Orang Islam seperti berikut:**

- a. Anggota dan tisu daripada orang Islam yang masih hidup hendaklah dilupuskan dengan cara menanamnya tanpa perlu dimandikan, dikafankan dan disolatkan.
- b. Anggota dan tisu orang Islam yang telah mati yang terpisah daripada tubuh tetapi telah dimandikan dan disolatkan, hendaklah ditanam sahaja tanpa perlu disolatkan lagi. Sekiranya tidak diketahui sama ada tubuhnya telah dimandikan dan disolatkan, anggota dan tisu orang Islam yang telah mati itu hendaklah dimandikan dan disolatkan sebelum ditanam.
- c. Jika janin yang gugur (dilahirkan sebelum cukup bulan) mempunyai tanda-tanda awal kehidupan seperti tangisan, gerakan dan seumpamanya, maka jenazahnya perlu diurus seperti biasa iaitu dimandikan, dikafankan, disolatkan dan dikebumikan.
- d. Jika janin yang gugur selepas empat bulan umur kandungan dan telah bersifat tetapi tidak memiliki tanda-tanda awal kehidupan (istihlal), maka hanya perlu dimandikan, dikafankan dan ditanam tanpa disolatkan.
- e. Jika janin yang gugur tidak bersifat (seperti seketul daging atau darah) dan tiada tanda-tanda hidup, maka sunat dibungkus dan ditanam tanpa dimandikan dan disolatkan.

## *Hujah dan Dalil*

### **1 PELUPUSAN ANGGOTA DAN TISU MANUSIA YANG MASIH HIDUP**

Menurut jumhur fuqaha, anggota badan manusia yang terpotong daripada jasad yang masih lagi hidup hendaklah ditanam tanpa dibasuh dan juga tanpa disolat walaupun ia hanyalah kuku atau rambut.

Menurut al-Sharbini, apa-apa yang terpotong daripada jasad yang masih hidup atau disyaki telah meninggal dunia seperti tangan pencuri, rambut, kuku, darah beku, darah bekam dan sebagainya, maka sunat ditanam bagi memuliakan pemilikinya.

Mesyuarat Jemaah Ulama' Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan yang bersidang pada 4 Julai 2004 telah membincangkan mengenai pembuangan dan pelupusan tisu-tisu manusia daripada pesakit. Mesyuarat telah membuat keputusan bersetuju memfatwakan sebagaimana berikut:

- a. Bahawa organ-organ dan tisu-tisu yang dibuang dan dipotong daripada badan pesakit sama ada pesakit Islam atau bukan Islam hendaklah ditanam. Sekiranya organ-organ atau tisu-tisu tersebut terdiri daripada kumpulan penyakit berjangkit tersebut dengan ubat-ubat tertentu kemudian hendaklah ditanam organ-organ dan tisu-tisu tersebut. Sekiranya tiada cara atau

kaedah untuk menghapuskan kuman penyakit tersebut, maka diharuskan organ-organ dan tisu-tisu ini dibakar kerana darurat;

- b. Bagi organ-organ dan tisu-tisu yang dibuang daripada pesakit yang masih hidup, organ-organ dan tisu-tisu itu hendaklah ditanam di tempat-tempat yang selamat.

### *Hujah dan Dalil*

## 2 PELUPUSAN ANGGOTA DAN TISU MANUSIA YANG TELAH MENINGGAL DUNIA

Dalam konteks orang yang hilang dan disyaki telah meninggal dunia, menurut mazhab Hanafi, apabila ditemui separuh daripada anggota badan beserta dengan kepala, maka hendaklah dimandikan. Jika tiada kepala, maka tidak perlu dimandikan. Ini kerana kepala dihukumkan sebagai bahagian terbesar pada anggota badan. Jika dijumpai sebahagian badan yang telah terpisah, maka ia tidak perlu dimandikan.

Para ulama' mazhab Hanafi telah berhujah berdasarkan athar yang diriwayatkan oleh Ibn Mas'ud dan Ibn Abbas berkata:

لا يصلی علی عضو

Maksudnya: **Tidak disolatkan ke atas anggota badan.**

Bagi mazhab Maliki, mereka berpandangan jika dijumpai anggota badan manusia 2/3 daripada jasad sebenar, maka ia tidak perlu dimandi dan disolatkan. Sekiranya ditemui separuh daripada jasad beserta kepala, maka ia juga tidak perlu dimandi dan disolatkan. Solat hanya dilakukan jika keadaan jasad itu 2/3 atau lebih dan tidak disolatkan jasad yang kurang daripada itu.

Mereka berhujah mengatakan solat itu tidak boleh dilakukan bagi jenazah yang ghaib (tidak dijumpai). Oleh itu, jika hanya dijumpai anggota tangan, kaki, atau kepala, maka tidak perlu dimandikan. Sekiranya jasad itu terbakar, menghidapi penyakit cacar, cacar air, cedera teruk, hancur di bawah runtuhan, jika boleh, ia hendaklah dimandikan, dan jika tidak boleh, hanya dicurahkan air. Namun, jika penggunaan air mengakibatkan kerosakan atau terputus jenazah, ia perlu ditayammumkan.


Bagi mazhab Syafii, jika didapati sebahagian daripada jenazah muslim yang bukan syahid, maka hendaklah disolatkan selepas ia dimandikan, kemudian ditutup dengan cebisan kain dan dikebumikan seperti mayat yang hadir.

Mengikut al-Sharbini, jika didapati anggota orang Islam yang diketahui dan disahkan kematiannya walaupun sekecil kuku atau rambut, maka hendaklah disolat selepas dimandikan sama seperti mayat yang hadir. Ini kerana pada hakikatnya ia adalah solat ke atas jenazah yang ghaib.

Bagi mazhab Hanbali, jika mayat itu tidak dijumpai melainkan sebahagian anggotanya sahaja, maka ia hendaklah dimandi dan disolatkan. Apabila jelas sesuatu anggota itu daripada mayat yang masih belum dikebumikan maka ia hendaklah dimandikan dan dikafankan bersama-samanya. Pendapat ini dinukilkan daripada Ibn Sirin tanpa sebarang khilaf padanya.

Selain itu, isu ini juga dibincangkan dalam Mesyuarat Jemaah Ulama' Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan yang bersidang pada 4 Julai 2004 mengenai pembuangan dan pelupusan tisu-tisu manusia daripada pesakit. Mesyuarat telah membuat keputusan bersetuju memfatwakan sebagaimana berikut:

- a. Bagi organ-organ atau tisu-tisu yang dibuang daripada pesakit selepas meninggal dunia, organ-organ atau tisu-tisu itu hendaklah ditanam bersama-sama mayat dan lebih afdal dengan meletakkan di dalam kain kafan.
- b. Mana-mana pihak samada pihak hospital atau keluarga pesakit boleh menanam organ-organ atau tisu-tisu yang dibuang daripada pesakit setelah pihak hospital mengesahkan organ-organ atau tisu-tisu tersebut selamat untuk ditanam.



*Hujah dan Dalil*

## 3

## PELUPUSAN JANIN MANUSIA

Menurut mazhab Hanafi, jika janin itu keluar dalam keadaan mati, dan tiada sebarang tanda awal hidup, maka ia hendaklah diberi nama, dimandi, dibungkus dalam secebis kain dan dikebumikan tanpa solat. Namun, jika ia hidup seketika selepas dilahirkan, maka hendaklah diberi nama, dimandi, dan disolatkan. Dia juga berhak mewarisi dan diwarisi hartanya sebagaimana hukum-hakam berkaitan dengan orang yang hidup sempurna.

Bagi mazhab Maliki pula, mereka berpandangan tidak dimandikan janin yang tiada sebarang tanda-tanda hidup seperti tangisan dan gerakan bayi yang tidak dikira sebagai tanda hidup. Menurut Ibn Syihab, tidak disolatkan ke atas janin, namun ia boleh dikebumikan bersama-sama ibunya.

Dalam mazhab Syafii, pelupusan janin manusia yang mengalami keguguran, ia terbahagi kepada dua keadaan:

- a. Tiada tangisan sewaktu kelahiran, jika kandungan yang tidak sampai tempoh empat bulan ke atas, maka ia tidak wajib dimandi, dikafan dan disolat. Namun, disunatkan ia dikafankan dengan kain dan dikebumikan tanpa solat;
- b. Terdapat tangisan sewaktu kelahiran atau diyakini ia hidup dengan sedikit gerakan atau seumpamanya, maka diwajibkan solat dan semua kewajipan yang lain. Tiada beza antaranya dan orang dewasa.

Mereka berhujah kepada hadis Nabi SAW:

إذا استهل الصبي صلى عليه وورث

Maksudnya: **Apabila bayi itu menunjukkan tindak balas awal (tanda-tanda hidup) maka ia disolatkan dan mewarisi harta pusaka**

(Hadis Riwayat Ibn Majah, no. 1508)



Dalam mazhab Hanbali pula, sebagaimana yang dikatakan oleh Ibn Qudamah, jika janin telah mencapai usia empat bulan atau telah sempurna kejadiannya, maka ia dimandi dan disolatkan walaupun tiada sebarang tanda-tanda awal hidup serta disunatkan juga diberi nama padanya.

Isu seumpama ini pernah dikemukakan di islamweb.net apabila salah sebuah hospital di Perancis telah membakar janin berusia tujuh bulan yang ditinggalkan oleh pasangan suami isteri muslim. Mereka berpandangan haram jika janin tersebut dibakar sebaliknya ia hendaklah dimandi dan disolatkan ke atasnya.



# PENYINGKAP HUKUM



# 1

**Soalan :**

**Apakah hukum makan sahur walaupun telah masuknya waktu Subuh?**

**Jawapan :**

Puasa merupakan ibadah yang telah ditentukan waktunya. Seseorang yang berpuasa ditegah daripada makan dan minum serta melakukan perkara-perkara yang membatalkannya bermula terbit fajar sehingga terbenam matahari seperti mana firman Allah SWT yang bermaksud :

*"...dan makanlah serta minumlah sehingga nyata kepada kamu benang putih (cahaya siang) dari benang hitam (kegelapan malam), iaitu waktu fajar. Kemudian sempurnakanlah puasa itu sehingga waktu malam (maghrib)..."*

(Surah al-Baqarah 2:187)

Begitu juga dalam hadis yang diriwayatkan oleh Abdullah Ibnu Umar r.a bahawa Nabi SAW bersabda yang bermaksud:

*"Sesungguhnya Bilal azan pada waktu malam maka makan dan minumlah sehingga diseru (azan) oleh Ibnu Ummi Maktum".*

(Hadis Riwayat al-Bukhari, Sahih al-Bukhari no.622)

Berdasarkan hadis di atas, dapatlah kita fahami bahawa hendaklah berhenti makan apabila masuknya waktu solat Subuh.

Walau bagaimanapun, di dalam jadual waktu berbuka puasa yang telah disediakan, terdapat jadual waktu imsak iaitu waktu yang dianjurkan kita untuk berhenti makan atau minum sebagai langkah berhati-hati sebelum terbitnya fajar yang menandakan telah masuknya waktu solat Subuh.

Kesimpulannya, makan atau minum setelah masuknya waktu solat Subuh adalah membatalkan puasa. Kita hendaklah berhenti serta merta apabila telah masuknya waktu solat Subuh. Oleh itu, hendaklah kita sentiasa merujuk jadual waktu berbuka puasa bagi langkah berjaga-jaga agar puasa kita itu tidak menjadi sia-sia.

## 2

**Soalan :**

**Apakah hukum menunaikan badal haji untuk ibu bapa yang telah meninggal dunia?**

**Jawapan :**

Badal haji bermaksud mengerjakan ibadah haji untuk orang lain dan hukumnya adalah diharuskan menurut jumhur fuqaha berdasarkan hadis Nabi SAW yang bermaksud:

*“Seorang wanita dari Juhainah datang menemui Rasulullah SAW dan berkata: “Sesungguhnya ibuku telah bernazar untuk menunaikan haji, apakah aku perlu menunaikan haji bagi pihaknya?”. Jawab Baginda: “Ya, tunaikanlah haji untuknya. Apa pandangan kamu kalau ibu kamu berhutang, apakah kamu perlu melunaskannya?”. Jawabnya: “Ya”. Sabda Baginda: “Tunaikanlah hutang Allah dan ia lebih berhak untuk dilunaskan.”*

(Hadis riwayat al-Bukhari, Sahih al-Bukhari, no.1852)

Badal haji atau haji ganti tersebut boleh dilaksanakan untuk orang lain sama ada seseorang yang telah meninggal dunia atau sakit yang tiada harapan sembuh untuk melakukan ibadah haji ke tanah suci, sama ada dengan upah atau tidak.

## SYARAT BADAL HAJI YANG SAH

Walaupun badal haji diharuskan tetapi hendaklah menepati syarat-syarat seperti berikut:

1. Boleh dilakukan upah haji untuk mereka yang sakit tiada harapan untuk sembuh, lumpuh atau mereka yang meninggal dunia. Tidak sah badal haji bagi yang mampu untuk melakukannya sendiri.
2. Badal haji tidak sah kepada orang fakir kerana ketiadaan wang.
3. Orang yang menunaikan badal haji hendaklah telah menunaikan haji untuk dirinya sendiri.
4. Tidak boleh seseorang yang diwakilkan itu, mewakilkan pula kepada orang lain dengan syarat ia diberitahu kepada pemberi amanah tersebut dan ia bersetuju dengan tindakan itu.

Kesimpulannya, badal haji sebaik-baiknya ditunaikan oleh kaum kerabat. Walau bagaimanapun sekiranya tiada waris, ia boleh diupahkan kepada orang lain, dan sebaik-baiknya orang yang diupah tersebut atau kaum kerabat terdiri daripada mereka yang baik, jujur, amanah dan berilmu untuk melaksanakan badal haji tersebut.

## 3

**Soalan :**

**Apakah hukum bagi suami isteri bersetubuh pada bulan Ramadan?**

**Jawapan :**

Hukum bersetubuh pada bulan Ramadan terdapat dua keadaan iaitu pada malam hari dan pada siang hari.

*Bersetubuh pada malam hari di bulan Ramadan hukumnya mubah atau boleh sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud:*

*“Dihalalkan bagi kamu pada malam hari di bulan puasa bercampur (bersetubuh) dengan isteri-isteri kamu. Isteri-isteri kamu adalah sebagai pakaian bagi kamu dan kamu pula sebagai pakaian bagi mereka. Allah mengetahui bahawasanya kamu mengkhianati diri sendiri, lalu ia menerima taubat kamu dan memaafkan kamu. Maka sekarang setubuhilah isteri-isteri kamu...”*

(Surah Al-Baqarah 2:187)



Manakala bersetubuh di siang hari pada bulan Ramadan, para ulama sepakat hukumnya adalah haram dan membatalkan puasa. Jika suami isteri telah melakukan persetubuhan pada siang hari, maka suami dikenakan kafarah (denda) dengan urutan seperti berikut:

- i. Memerdekakan hamba sahaya perempuan yang beriman. Jika tidak mampu, hendaklah;
- ii. Berpuasa selama dua bulan berturut-turut. Jika tidak mampu, hendaklah;
- iii. Memberi makanan kepada 60 orang miskin, masing-masing sebanyak secupak beras.

Kafarah ini diterangkan dalam hadis riwayat al-Bukhari yang bermaksud:

*Daripada Abu Hurairah r.a. meriwayatkan, ada seorang lelaki datang kepada Rasulullah SAW lantas berkata, "Celakalah aku! Aku mencampuri isteriku (siang hari) di bulan Ramadan. Baginda bersabda, "Merdekakanlah seorang hamba sahaya perempuan." Lelaki itu berkata, "Aku tidak mampu." Rasulullah SAW bersabda, "Berpuasalah selama dua bulan berturut-turut." Lelaki itu berkata lagi, "Aku tidak mampu." Rasulullah SAW kembali bersabda, "Berikanlah makanan kepada 60 orang miskin."*

(Hadis Riwayat al-Bukhari, Sahih al-Bukhari no. 1936)

Kafarah hanya dikenakan ke atas suami sahaja dan tidak dikenakan terhadap isteri. Ini seperti yang dinyatakan oleh Dr. Muhammad al-Zuhaili di dalam kitabnya:

*"Wajib seseorang suami membayar kafarah. Dan tidak dikenakan ke atas perempuan walaupun dia berpuasa. Ini kerana hak yang membayar kafarah persetubuhan dikhususkan ke atas lelaki bukan perempuan seperti mahar. Kerana perbuatan menyetubuhi disandarkan kepada lelaki, maka wajib ke atasnya kafarah. Oleh itu, perempuan hanya wajib mengadakan puasanya sahaja."*

(Lihat: al-Mu'tamad fi al-Fiqh al-Syafi'e, 2/204)



## 4

*Soalan :*

**Adakah ejen-ejen ibadah korban yang berleluasa di media sosial pada masa kini boleh dipercayai?**

*Jawapan :*

Sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud:

*"Wahai orang-orang yang beriman! Jika datang kepada kamu seorang fasik membawa sesuatu berita, maka selidikilah (untuk menentukan) kebenarannya, supaya kamu tidak menimpakan sesuatu kaum dengan perkara yang tidak diingini - dengan sebab kejahilan kamu (mengenainya) - sehingga menjadikan kamu menyesali apa yang kamu telah lakukan"*

(Surah al-Hujurat 49:6)

Ayat di atas jelas menerangkan bahawa kita hendaklah berhati-hati dalam menerima sesuatu perkara dengan menyelidik terlebih dahulu tentang sumbernya agar terhindar dari tipu daya dan musibah yang besar.

*Ibnu Jarir berkata: "Hendaklah kamu tabayun dengan makna tangguh seketika maklumat atau berita yang sampai kepada kamu sehingga kamu mengetahui dan yakin akan kebenarannya. Jangan sekali-kali kamu gelojoh untuk menerimanya."*

(Jami' al-Bayan fi Ta'wil al-Quran, 22/286)

*Ibnu Kathir berkata: "Allah perintahkan supaya kita tetapkan dahulu perkhabaran orang fasik sebagai ihtiyat (berjaga-jaga). Ini kerana supaya seseorang tidak berhukum dengan ucapannya menyebabkan dalam keadaan begitu boleh membawa kepada dusta atau tersilap."*

(Tafsir al-Quran al-'Azim, 7/370)

Allah berfirman yang bermaksud:

*"Dan janganlah engkau mengikut apa yang engkau tidak mempunyai pengetahuan mengenainya; sesungguhnya pendengaran dan penglihatan serta hati, semua anggota-anggota itu tetap akan ditanya tentang apa yang dilakukannya."*

(Surah al-Israa 17:36)

Oleh yang demikian, kita hendaklah mengenalpasti terlebih dahulu sebarang berita yang diterima melalui media sosial termasuklah pengiklanan tentang ejen

korban yang banyak tersebar.

Sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Al-Hasan bin 'Ali r.a. bahawa Rasulullah SAW bersabda:

*“Tinggalkanlah perkara yang meragukan kamu kepada perkara yang tidak meragukan kamu. Sesungguhnya kebenaran itu adalah ketenangan dan pembbohongan itu suatu yang meragukan.”*

(Hadis Riwayat At-Tirmidzi, Jami' at-Tirmidzi, no. 2518)

Justeru, sebelum mendaftar dengan sebarang ejen korban, kita hendaklah memastikan beberapa perkara seperti berikut:

- Mengenal pasti ejen korban daripada sumber yang sahih.
- Membuat semakan dengan pihak yang berautoriti berkenaan dengan ejen korban.
- Berhubung terus dengan pegawai yang berkaitan dengan ejen korban.
- Pembuktian melalui dokumentasi yang sahih dari ejen korban.
- Bertanya dengan mereka yang pernah berurusan dengan ejen korban tersebut.
- Sekiranya pernah berlaku sebarang penipuan, boleh merujuk kepada Tribunal Pengguna untuk tindakan selanjutnya.

Semoga kita dapat memastikan ibadah korban yang diniatkan dapat dilaksanakan dengan betul dan diterima oleh Allah SWT.



## 5

Soalan :

**Adakah mengucapkan lafaz dua kalimah syahadah**

**أشهد أن لا إله إلا الله وأشهد أن محمداً رسول الله**  
**hukumnya wajib ke atas seseorang yang ingin masuk Islam? Bolehkah sekadar hanya mengucap kalimah tauhid لا إله إلا الله ?**

Jawapan :

Dalam menentukan hakikat sesuatu, maka setiap rukun dan syarat berkaitan sesuatu itu hendaklah dipenuhi. Demikian juga yang terdapat dalam tujuan mencapai maksud dan hakikat Islam. Hal ini kerana Islam itu dibina berasaskan beberapa rukun serta syarat-syaratnya.

Justeru, bagi mencapai maksud Islam dalam diri seseorang, maka rukun dan syaratnya hendaklah dipenuhi secara sempurna. Dalam kitab al-Safinah al-Naja dinyatakan bahawa Rukun Islam itu terdiri daripada 5 perkara iaitu:

- Syahadah (persaksian) bahawa tiada Tuhan yang layak disembah selain Allah SWT dan Nabi Muhammad SAW itu utusan Allah SWT.
- Mendirikan solat
- Menunaikan zakat
- Berpuasa di bulan Ramadan
- Mengerjakan haji di Baitullah bagi yang mampu.

Keterangan tentang rukun ini adalah berdasarkan kepada hadis sahih daripada Ibnu Umar r.a. bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

*“Islam dibina atas lima perkara, persaksian bahawa tidak ada Tuhan yang layak disembah melainkan Allah dan Muhammad itu utusan Allah, mendirikan solat, menunaikan zakat, haji di baitullah dan berpuasa di bulan Ramadan.”*

(Hadis Riwayat al-Bukhari no. 8 dan Muslim no. 16)

Berdasarkan urutan rukun Islam di atas, mengucap syahadah merupakan rukun yang wajib dilaksanakan sebagai jalan pertama untuk menjadikan seseorang itu Islam. Syahadah bermaksud penyaksian serta pengakuan terhadap dua perkara secara serentak iaitu penyaksian terhadap keesaan Allah SWT serta Rasulullah SAW sebagai utusan-Nya. Justeru, adalah tidak memadai jika seseorang itu menjadi seorang muslim hanya dengan mengucapkan kalimah Lailaha illallah seperti yang dinyatakan. Hal ini kerana, kalimah tersebut tidak bertepatan dengan maksud rukun Islam yang pertama di samping tidak memenuhi syarat syahadah iaitu memperakui akan keesaan Allah SWT diiringi dengan penyaksian terhadap kenabian Nabi Muhammad SAW.

## MESYUARAT LEMBAGA FATWA NEGERI SARAWAK



Sepanjang setengah tahun kedua 2021M dua siri Mesyuarat Lembaga Fatwa Negeri Sarawak telah diadakan. Mesyuarat Khas Lembaga Fatwa Kali Ke-11 telah diadakan melalui aplikasi Zoom pada 23 Zulhijjah 1442 bersamaan 2 Ogos 2021. Mesyuarat khas ini telah membincangkan antaranya mengenai pendekatan yang dibuat oleh Mahkamah Syariah dalam menangani kes-kes mal seperti isu perceraian, pembahagian dan pewarisan harta.

Oleh kerana ia merupakan satu tanggungjawab dalam perkhidmatan yang mesti dilaksanakan oleh mahkamah, maka pendekatan melalui teknologi komunikasi jarak jauh adalah kaedah yang sesuai dilaksanakan. Ini kerana prosiding secara bersemuka tidak dapat dijalankan dalam keadaan norma biasa disebabkan pandemik COVID-19 dan bagi mengurangkan risiko jangkitan serta penularan wabak.

Dalam masa yang sama, hak dan masalah pihak-pihak yang bertikai kekal dapat didengar dan diputuskan tanpa dihalang oleh keadaan darurat. Ini adalah selari dengan prinsip keadilan yang menjadi asas dalam institusi kehakiman syariah yang perlu ditegakkan. Demikian juga dengan kaedah fiqh yang menyebutkan bahawa kemudaratan itu perlu dihilangkan.

Empat lagi isu telah dibincangkan dalam Mesyuarat kali ke-38 antaranya ialah iaitu Hukum Penghasilan Produk Minyak Ikan (*Crude Fish Oil*) Daripada Sisa Ikan Mentah di mana hukumnya adalah diharuskan dengan syarat penghasilan *crude fish oil* tersebut perlu melalui proses penyulingan dan penyucian yang bersesuaian dan selamat untuk kegunaan manusia sebelum digunakan untuk penyediaan makanan.

Selain itu, trend masyarakat dalam bidang kecantikan juga telah menimbulkan pelbagai persoalan hukum termasuklah dalam isu menanam rambut di kepala. Hukum Menanam Rambut Di Kepala adalah diharuskan dengan syarat penanaman rambut adalah dengan menggunakan rambut sendiri, menggunakan bahan-bahan suci dan tiada unsur najis serta tidak mendatangkan sebarang kesan mudarat.

Keputusan-keputusan yang telah diputuskan ini merupakan pandangan hukum yang perlu dipatuhi oleh masyarakat Islam di Sarawak. Kertas kerja yang telah dibincangkan dalam mesyuarat-mesyuarat tersebut ialah:

MESYUARAT	TARIKH	TAJUK KERTAS KERJA FATWA
Mesyuarat Khas Lembaga Fatwa Kali Ke-11	23 Zulhijjah 1442/ 2 Ogos 2021	<ol style="list-style-type: none"> <li>Semakan Semula Pandangan Hukum Dan Kaedah Pengurusan Jenazah Orang Islam Covid-19</li> <li>Pendengaran Prosiding Kes Mal Mahkamah Syariah Melalui Teknologi Komunikasi Jarak Jauh</li> </ol>
Mesyuarat Lembaga Fatwa Negeri Sarawak kali ke-38	18 Rabiulakhir 1443/ 20 November 2021	<ol style="list-style-type: none"> <li>Hukum Penggunaan Dana Zakat Wakalah Dalam Program Pembiayaan Asnaf</li> <li>Hukum Penggunaan Dana Ar-Riqab Bagi Pembiayaan Bantuan Pendidikan</li> <li>Hukum Penghasilan Produk Minyak Ikan (<i>Crude Fish Oil</i>) Daripada Sisa Ikan Mentah</li> <li>Hukum Menanam Rambut Di Kepala</li> </ol>

**Nota: Penjelasan lanjut tentang keputusan fatwa ini boleh dirujuk terus ke Jabatan Mufti Negeri Sarawak.**



## MESYUARAT JAWATANKUASA PENYELIDIKAN DAN PENGURUSAN FATWA JABATAN MUFTI NEGERI SARAWAK

**J**abatan Mufti Negeri Sarawak (JMNS) telah berusaha membuat pelbagai inisiatif bagi menjalankan beberapa kajian berkaitan fatwa dan falak. Antaranya ialah menubuhkan Jawatankuasa Penyelidikan dan Pengurusan Fatwa, JMNS bagi membuka peluang kepada pihak luar untuk membuat kajian-kajian berkaitan hukum yang boleh memberi manfaat kepada masyarakat khususnya di Sarawak.

Satu mesyuarat telah diadakan pada 4 Rabiulawal 1443 bersamaan 11 Oktober 2021 bertempat di Pusat Konvensyen Borneo (BCCK) yang dihadiri oleh Jawatankuasa Penyelidikan Dan Pengurusan Fatwa JMNS bagi mendengar pembentangan laporan pencapaian kajian bagi kajian yang sedang dijalankan. Laporan bagi kajian hukum Projek Penyelidikan Pengenalpastian Saintifik, Nilai-Nilai Nutrisi dan Analisis Bahan Toksik Lelamas (Lepidoptera:Geometridae) secara atas talian menggunakan aplikasi Zoom telah dibentangkan oleh Encik Yahutazi bin Chik selaku ketua penyelidik. Dalam laporan beliau, peratus kajian yang telah dicapai oleh pihak pengkaji adalah sebanyak 14%.

Selain itu, dalam mesyuarat tersebut juga dibentangkan laporan bagi Penilaian Semula Zon Waktu Solat Negeri Sarawak Bagi Penentuan Waktu Syuruk secara dalam talian melalui aplikasi Zoom yang dibentangkan oleh Dr. Mohd Hafiz Safiai selaku ketua kumpulan penyelidik. Beliau melaporkan bahawa kajian tersebut telah mencapai sebanyak 15% setakat ini.

Antara punca kelewatan dapatan data kajian ini adalah disebabkan pengumuman Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang telah diumumkan oleh kerajaan. Hal ini menyebabkan kajian lapangan tidak dapat dilakukan pada masa yang telah dirancang.

Namun kedua-dua pembentang komited untuk meneruskan kajian apabila keadaan kembali seperti biasa dengan menjangkakan hasil dapatan seterusnya adalah dalam masa tiga hingga ke enam bulan.



## PROGRAM AT-TAFAQQUH

Program At-Tafaqquh merupakan program yang dianjurkan oleh Jabatan Mufti Negeri Sarawak (JMNS) semenjak tahun 2014 lagi. Program sebegini adalah bertujuan untuk merapatkan institusi masjid dan masyarakat dengan JMNS dalam mengeratkan silaturahim serta penyebaran ilmu dan fatwa. Peserta program pada kali ini melibatkan seramai 30 orang dari kalangan Jawatankuasa Masjid dan surau bahagian Kuching, 30 orang guru Takmir dari seluruh bahagian Sarawak dan 30 orang guru KAFA bahagian Kuching.

Walaupun kita dilanda musibah tidak menghalang JMNS untuk menyantuni masyarakat


Sebagai agensi utama yang berautoriti dan bertanggungjawab mengurus hal ehwal hukum di negeri Sarawak, peranan dan tugas JMNS semakin mencabar berikutan perkembangan isu-isu baharu yang semakin kompleks lebih-lebih lagi rentetan daripada pandemik COVID-19 yang melanda dunia pada masa kini.

Oleh itu, JMNS mengambil inisiatif untuk mengadakan program At-Tafaqquh yang berlangsung pada 16 Safar 1443 bersamaan 23 September 2021 secara dalam talian melalui aplikasi Zoom disebabkan oleh kekangan perintah kawalan pergerakan (PKP). Program At-Tafaqquh pada kali ini lebih memfokuskan hukum-hukum yang berkaitan dengan isu-isu sepanjang tempoh PKP serta isu-isu COVID-19 dan vaksin.



Program ini telah memberi banyak manfaat dan impak yang positif kepada semua peserta. Di samping itu, para peserta berpeluang untuk berdiskusi dan bersoal jawab secara langsung dengan penceramah berkenaan kemusykilan yang timbul sepanjang program berlangsung.

Semoga usaha murni yang dilaksanakan demi memartabatkan syiar Islam sentiasa mendapat sokongan masyarakat dan segala ilmu yang dikongsi dapat diamalkan dalam kehidupan seharian.





## Seminar Fatwa Peringkat Bahagian Bintulu

Jabatan Mufti Negeri Sarawak (JMNS) melalui Bahagian Fatwa telah berjaya mengadakan Seminar Fatwa Peringkat bahagian Bintulu secara bersemuka setelah SOP COVID-19 dilonggarkan pada pada 14 Rabiulawal 1443 bersamaan 21 Oktober 2021 bertempat di Hotel Park City Everly, Bintulu.

Seminar ini merupakan medium sebaran fatwa dan penjelasan hukum yang telah diputuskan di samping mengeratkan hubungan dua hala dengan masyarakat akar umbi.

Penganjuran seminar ini memfokuskan objektif iaitu menyebarkan fatwa dan penjelasan hukum, meningkatkan kefahaman dan penghayatan terhadap fatwa dalam kalangan ummah. Selain itu, seminar ini juga bertujuan untuk menjelaskan peranan dan tanggungjawab JMNS untuk penyebaran fatwa dalam menyejahterakan ummah dan merapatkan jalinan hubungan mesra dua hala dengan masyarakat.

Dengan tema “Fatwa Dipatuhi Ummah Sejahtera” seminar yang bertujuan untuk penyebaran fatwa dan penjelasan hukum pada masyarakat pada kali ini telah membentangkan isu-isu yang relevan dengan keadaan semasa penularan COVID-19. Seminar ini dimulakan dengan Ucaptama Mufti Negeri Sarawak, YBhg. Sahibus Samahah Datu Haji Kipli bin Haji Yassin dengan tajuk Isu Semasa: COVID-19.

Selain itu, dua orang Ahli Lembaga Fatwa turut membentangkan kertas kerja dalam seminar ini iaitu mantan Ketua Hakim Syarie Negeri Sarawak, YBhg. Datu Haji Mohamed Ali bin Mohamed Sheriff Sahib dengan kertas kerja yang bertajuk Fiqh Kontemporari: Pemurnian Antara Penulisan Klasik Dan Fiqh Waqie. Pembentang kedua iaitu Ketua Pusat Pengajian Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Sarawak, YBhg. Prof. Madya Hajah Sharifah Anom binti Omar telah membentangkan kertas kerja yang bertajuk Kepatuhan Kepada Fatwa: Peranan Ummah Dalam Berhadapan Dengan Ledakan Maklumat Masa Kini.

Kertas kerja yang ketiga yang bertajuk Analisis: Fatwa Negeri Sarawak Dalam Melahirkan Ummah Sejahtera telah dibentangkan oleh Pegawai Hal Ehwal, JMNS iaitu YBhg. Ustaz Haji Faizal bin Abdullah.

Pada akhir seminar, Sahibus Samahah Mufti Negeri Sarawak, Datu Haji Kipli bin Haji Yassin telah membuat rumusan dengan peranan jabatan dan bidang kuasa yang diperuntukkan dalam memutuskan sesuatu hukum atau fatwa selain bertanggungjawab dalam hal ehwal falak di negeri Sarawak. Beliau juga mengharapkan para peserta memahami dan menghayati fatwa-fatwa yang telah dikeluarkan serta membuat rujukan fatwa melalui pihak berautoriti iaitu JMNS.



## PROGRAM AT-TIBYAN

Program At-Tibyan pada tahun ini banyak diadakan secara dalam talian bagi mematuhi SOP memandangkan keadaan pandemik yang melanda. Ia secara tidak langsung membantu mengekang penularan wabak COVID-19 dan dalam masa yang sama sistem penyampaian jabatan berkaitan penyebaran fatwa tetap dapat dilaksanakan.

Program ini juga membolehkan masyarakat untuk berdiskusi dan berdialog secara langsung serta mengemukakan pandangan mahupun persoalan agama. Antara masjid/ surau yang telah diadakan program tersebut ialah:

TEMPAT	TARIKH
Masjid Al-Ghazali, Jalan Depo, Kuching (Aplikasi ZOOM)	26 Zulkaedah 1442 7 Julai 2021
Masjid Darul Husnul Khatimah, Kpg Semerah Padi Fasa 1, Kuching (Aplikasi ZOOM)	28 Zulkaedah 1442 9 Julai 2021
Masjid Darul Amilin, Taman Permai, Sibul (Aplikasi ZOOM)	11 Muharram 1443 20 Ogos 2021
Masjid An-Nur, Sibul (Aplikasi ZOOM)	11 Muharram 1443 20 Ogos 2021
Masjid Darul Istiqamah, Kampung Luak, Miri (Aplikasi ZOOM)	11 Muharram 1443 20 Ogos 2021
Masjid Jannatul Firdaus, Limbang (Aplikasi ZOOM)	11 Muharram 1443 20 Ogos 2021
Masjid Besar Darul Ma'mur, Lawas (Aplikasi ZOOM)	11 Muharram 1443 20 Ogos 2021
Masjid Abu Bakar as-Siddiq, Desa Senadin, Miri	24 Rabiulawal 1443 31 Oktober 2021

Walaupun program ini dilaksanakan secara dalam talian ia tetap mendapat sambutan daripada para peserta. Hal ini telah memberi suntikan semangat kepada warga JMNS untuk meneruskan program ini ke seluruh masjid/ surau di negeri Sarawak.

### Program At-Tibyan yang dibuat secara atas talian (Aplikasi ZOOM)

**At-Tibyan**  
Ditampikan oleh:  
SAHIBUL FADHILAH USTAZ HAJI MUAL BIN HAJI SUAUD  
PENGARAH, JABATAN MUFTI NEGERI SARAWAK

11 Muharram 1443H  
20 Ogos 2021M

Masa: 8:20 pm

Melalui aplikasi Zoom

Bersama-sama Jemaah/Ahli Qaryah:  
- Masjid Darul Amilin, Taman Permai, Sibul  
- Masjid An-Nur, Sibul  
- Masjid Darul Istiqamah, Kg. Luak, Miri  
- Masjid Jannatul Firdaus, Limbang  
- Masjid Besar Darul Ma'mur, Lawas

**At-Tibyan**  
Ditampikan oleh:  
Ustaz Ariff bin Suhadat

Tarikh: 9 Julai 2021M bersamaan 28 Zulkaedah 1442H  
Masa: 8:30 malam

Bersama-sama Jemaah/Ahli Qaryah  
Masjid Darul Husnul Khatimah, Kg. Semerah Padi Fasa 1  
(Melalui aplikasi Zoom)

**At-Tibyan**  
Ditampikan oleh:  
Ustaz Haji Faizal bin Abdullah

Tarikh: 7 Julai 2021M  
bersamaan 20 Zulkaedah 1442H  
Masa: 8:30 malam

Bersama-sama Jemaah/Ahli Qaryah  
Masjid Al-Ghazali, Jalan Depo  
(Melalui aplikasi Zoom)

**SENADIN BERSELAHAT**

SAHIBUL FADHILAH  
USTAZ HAJI MUAL BIN HAJI SUAUD  
PENGARAH JABATAN MUFTI NEGERI SARAWAK  
CERAMAH AT-TIBYAN

## Program Az-Ziyarah: Mufti Dan Masyarakat

Program Az-Ziyarah: Mufti Dan Masyarakat merupakan medium interaksi Mufti secara langsung bersama-sama masyarakat setempat berhubung hal ehwal kefatwaan dan hukum syarak. Firman Allah SWT dalam surah an-Nisa ayat 127 yang bermaksud:

*“Dan mereka meminta fatwa kepadamu (Wahai Muhammad) mengenai (hak dan kewajipan) kaum perempuan. Katakanlah olehmu: “Allah akan memberi keterangan (fatwa) kepada kamu mengenai mereka dan juga (ada difatwakan dalam) apa yang selalu dibacakan kepada kamu dalam kitab (al-Quran).”*

Program ini telah berjaya diadakan di beberapa lokasi seperti berikut:

BIL	BULAN	TEMPAT	TARIKH
1.	OGOS	Surau Nurul Hidayah, Kpg. Haji Wahid, Miri	12 Ogos 2021 (Khamis)
2.	OKTOBER	Masjid Darul Khairat Kpg. Bakam Miri	6 Oktober 2021 (Rabu)
		Masjid al-Muttaqin, Sarikei	22 Oktober 2021 (Jumaat)

Sesuai dengan keadaan semasa, Program Az-Ziyarah: Mufti Dan Masyarakat Sahibus Samahah banyak menyentuh isu-isu semasa yang berkaitan hukum dan keputusan fatwa yang telah diputuskan oleh Lembaga Fatwa Negeri Sarawak yang berkaitan dengan COVID-19. Beliau mengharapkan masyarakat memahami tentang hukum-hukum yang berkaitan dengan ibadah umat Islam seperti penjarakan saf, penutupan masjid yang disebabkan oleh wabak, pengambilan vaksin, dan sebagainya.

Keputusan ini tidak dibuat sewenang-wenangnya atau sambil lewa atau dipengaruhi oleh mana-mana pandangan, tetapi ia dibuat berdasarkan hukum syarak mengambil kira maqasid syariah (tujuan syarak) iaitu penjagaan nyawa.

Semasa program ini JMNS turut memberi sumbangan bahan-bahan terbitan jabatan sebagai rujukan jemaah di masjid/ surau yang terlibat.





## Daurah Akidah 1443H/2021M

**D**aurah ini telah diadakan di Hotel Hilton, Kuching pada 25 Rabiulakhir 1443H/30 November 2021M (Selasa). Seramai 60 orang peserta yang telah menyertai program terdiri daripada pegawai Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Mahkamah Syariah, Astana Negeri Sarawak, Jabatan Agama Islam Sarawak (JAIS), guru Takmir, guru KAFA dan pengerusi/ imam/ AJK masjid dan surau.

Daurah Akidah ini telah disampaikan oleh:

1. Ustaz Wan Shaifuddin bin Wan Madihi (Slot 1) - Akidah Ahlu Al-Sunnah Wal Jamaah; dan
2. Ustaz Haji Mohamad Syarifuddin bin Abdul Kadir (Slot 2) – Aplikasi Dan Penghayatan Rukun Iman Dalam Kehidupan

Melalui daurah kali ini, pembentang pertama memberikan pendedahan kepada masyarakat mengenai asas Akidah Ahlu Al-Sunnah Wal Jamaah kepada peserta. Turut ditekankan kepentingan akidah dalam kehidupan bagi melahirkan insan yang reda, bertawakal, bersyukur dan bertaubat. Sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud:

*“(orang yang beriman itu ialah): orang-orang yang bertaubat, yang beribadat, yang memuji Allah, yang mengembara (untuk menuntut ilmu dan mengembangkan Islam), yang rukuk, yang sujud, yang menyuruh berbuat kebaikan dan yang melarang daripada kejahatan, serta yang menjaga batas-batas hukum Allah. Dan gembirakanlah orang-orang yang beriman (yang bersifat demikian).”*


(Surah at-Taubah 9:112)

Pembentang yang kedua pula menerangkan mengenai Rukun Iman yang merupakan tiang keimanan dalam Islam yang harus dimiliki setiap umat Islam. Hal ini demikian kerana, dengan meyakini Rukun Iman ia dapat meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah SWT.

Penganjuran daurah akidah ini memfokuskan beberapa objektif seperti berikut:

1. Memberi penjelasan kepada masyarakat tentang isu yang telah difokuskan oleh Lembaga Fatwa Negeri Sarawak.
2. Menyampaikan maklumat dan meningkatkan kesedaran masyarakat Islam akan betapa perlunya menghayati ajaran Islam dalam kehidupan seharian dan kepentingan mematuhi hukum yang telah diputuskan.
3. Mewujudkan dan mengeratkan silaturahim di antara Jabatan Mufti Negeri Sarawak dengan masyarakat.

Daurah yang berlangsung selama setengah hari ini mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada peserta. Semangat sebegini menjadikan sumber inspirasi warga JMNS untuk meneruskan program-program yang dapat membangunkan ummah khususnya di negeri Sarawak.



# DAURAH ILMIAH FALAKIAH SIRI 1-4 2021M

**D**aurah Ilmiah Falakiah merupakan medium bagi meningkatkan kefahaman dan penguasaan ilmu falak berpandukan kitab turath yang disampaikan oleh tenaga pakar iaitu Tuan Guru Haji Hanafiah bin Abdul Razak yang merupakan Panel Pakar Falak JAKIM merangkap Imam Masjid Kota Iskandar, Johor.

Daurah yang diadakan sebanyak empat siri secara Zoom ini dihadiri bukan hanya oleh kakitangan JMNS tetapi turut juga disertai oleh peserta daripada jabatan mufti seluruh Malaysia, Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Jabatan Tanah dan Survei Sarawak dan Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM).

Modul daurah adalah berdasarkan Kitab Ajaibul Makhluqat Wa al-Hayawanat Wa Gharair al-Mawjudat (Keajaiban-Keajaiban Makhluk dan Haiwan-Haiwan serta Keunikan Benda-Benda Wujud). Kitab ini telah dikarang oleh Imam Zakariya al-Qazwini atau nama penuhnya Zakariya ibnu Muhammad ibnu Mahmud Abu Yahya al-Qazwini. Walaupun dalam kitab ini mengandungi 112 tajuk berkaitan falak, namun pada daurah kali ini empat tajuk telah dipilih sebagai pengenalan kepada ilmu falak seperti berikut:

Pada siri pertama, tajuknya ialah Pertimbangan Kedua Dalam Planet Bulan. Tajuk ini memberi pengenalan mengenai bulan seperti warna bulan yang sebenar adalah hitam dan bulan menerima cahaya daripada matahari serta menerangkan mengenai peredaran bulan bermulanya dari anak bulan sehingga menjadi bulan purnama.

SIRI	TARIKH	TAJUK
1	6 Julai 2021 (Selasa)	النظر الثاني في فلك القمر Pertimbangan Kedua Dalam Planet Bulan
2	26 Julai 2021 (Isnin)	فصل في زيادة ضوئه ونقصانه Bab Pertambahan Dan Pengurangan Pencahayaannya Bulan
3	24 Ogos 2021 (Rabu)	فصل في خسوفه Bab Gerhana Bulan
4	2 September 2021 (Khamis)	فصل في خواص القمر وتأثيراته العجيبة Bab Sifat-Sifat Bulan Dan Kesannya Yang Menakjubkan

Siri kedua pula membicarakan mengenai Bab Pertambahan dan Pengurangan Pencahayaannya Bulan. Ia berkisar mengenai dua pergerakan bulan iaitu pergerakan harian dan pergerakan bulanan serta keadaan cahaya bulan mengikut peredaran. Contohnya, anak bulan kelihatan bercahaya seperti putih wajah muka.

Siri ketiga pula membincangkan mengenai Bab Gerhana Bulan. Gerhana bulan berlaku disebabkan bumi berada di tengah-tengah di antara bulan dan matahari. Bab ini memperincikan kedudukan bulan, bumi dan matahari ketika berlakunya gerhana dengan menunjukkan beberapa grafik untuk memudahkan pemahaman para peserta.

Siri keempat pula membincangkan Bab Sifat-Sifat Bulan dan Kesannya Yang Menakjubkan berkaitan bulan dan pengaruhnya terhadap laut dan juga memaparkan jadual air pasang dan surut bagi negara yang berada satu darjah dari khatulistiwa mengikut keadaan peredaran bulan.

Secara kesimpulannya, daurah ini mampu mempertingkatkan kefahaman ilmu falak para peserta terutamanya pegawai falak. Peserta juga dapat menguasai ilmu falak berdasarkan dalil naqli dan aqli serta mampu menjelaskan kepentingan dan kaitan ilmu falak dalam akidah dan ibadat umat Islam







## *Sembang Santai* FENOMENA ISTIWA' A'ZAM

Fenomena istiwa azam berlaku dua kali setahun, di mana kedudukan matahari berada tepat di atas Kaabah. Apabila istiwa matahari berlaku, bayang-bayang sesuatu objek tegak akan menunjukkan ke arah kiblat.

Bagi memastikan masyarakat Islam memahami dan menyaksikan sendiri fenomena istiwa azam yang membuktikan kebesaran dan kekuasaan Allah, pada 6 Zulhijah 1442 bersamaan 16 Julai 2021, Jabatan Mufti Negeri Sarawak (JMNS) telah mengadakan sembang santai melalui siaran langsung secara dalam talian menerusi Facebook Page (UKAS-Unit Komunikasi Awam Sarawak).

Pada jam 4.30 petang, sembang santai dimulakan dengan bicara ringkas oleh Sahibus Samahah Mufti Negeri Sarawak, Datu Haji Kipli bin Haji Yassin dan seterusnya taklimat serta praktikal semakan arah kiblat yang disampaikan oleh Ketua Penolong Mufti Bahagian Falak, Ustaz Haji Razalie bin Haji Hussaini.

Antara pengisian dalam taklimat tersebut ialah penerangan berkenaan maksud kiblat, salah faham

mengenai kiblat, perkara wajib dan sunat menghadap kiblat, kaedah-kaedah penentuan arah kiblat dan perkara-perkara lain yang berkaitan dengan kiblat.

Setelah selesai sesi taklimat, Ustaz Haji Razalie bin Haji Hussaini telah menerangkan secara praktikal kaedah semakan arah kiblat serta menunjukkan beberapa peralatan yang boleh digunakan semasa semakan.

Diharap sembang santai ini mampu menjelaskan kepada umat Islam tentang kepentingan arah kiblat yang tepat terutamanya ketika menunaikan solat dengan memastikan arah kiblat yang betul yang boleh ditentukan dengan melalui fenomena istiwa azam yang berlaku dua kali setahun.





## SEMINAR FALAK PERINGKAT NEGERI SARAWAK 1443H/2021M

**B**ersempena dengan perasmian Pusat Falak Miri, Jabatan Mufti Negeri Sarawak (JMNS) melalui Bahagian Falak telah mengadakan Seminar Falak peringkat negeri Sarawak yang telah diadakan di Miri Marriot Resort & Spa pada 18 Safar 1443 bersamaan 25 September 2021.

Program yang diadakan secara bersemuka dan juga secara maya ini telah dihadiri oleh 200 orang peserta dan telah dirasmikan oleh Yang Di Pertua Majlis Islam Sarawak, YBhg. Datu Haji Misnu bin Haji Taha.

Seminar peringkat negeri yang julung kali diadakan ini bertemakan Ilmu Falak: Menjulung Khazanah Ummah yang berobjektifkan untuk memberi kesedaran kepada masyarakat Islam bahawa ilmu ini datangnya daripada Islam dan merupakan khazanah yang perlu kita angkat semula supaya tidak hilang ditelan zaman.

Ucaptama Seminar disampaikan sendiri oleh Sahibus Samahah Mufti Negeri Sarawak, Datu Haji Kipli bin Haji Yassin yang mengupas tema seminar dengan menjelaskan mengenai sejarah perkembangan Ilmu Falak sejak zaman Rasulullah SAW serta memperkenalkan peralatan falak dan pengurusan falak di Malaysia terutamanya di JMNS.

Seminar sehari ini, turut membentangkan tiga kertas kerja yang disampaikan oleh tiga orang pembentangan jemputan termasuk pembentangan daripada luar negara. Pembentangan pertama dalam seminar ini ialah Tuan Guru Haji Hanafiah bin Abdul Razak yang merupakan Panel Pakar Falak JAKIM dan Imam Masjid Kota Iskandar yang membentangkan kertas kerja yang bertajuk Ilmu Falak: Impak kepada Alam dan Manusia. Melalui kertas kerja ini, beliau menjelaskan mengenai pengaruh matahari terhadap kedudukan-kedudukan yang rendah di bumi iaitu lautan-lautan, kaitannya dengan pembentukan galian, tumbesaran tumbuh-tumbuhan, serta kesannya terhadap haiwan-haiwan.

Kertas kerja yang kedua pula dibentangkan oleh Dr. H. Ahmad Izzuddin, MAg., Dosen (pensyarah) Senior Ilmu Falak, Fakultas Syariah dan Hukum, Universitas Islam Negeri Walisongo Semarang, Indonesia. Beliau membentangkan kertas kerja yang bertajuk Rukyah Hilal: Kepentingannya dalam Penentuan Takwim Hijri. Beliau menerangkan maksud rukyah serta perkara yang berkaitan dengannya seperti kaedah pelaksanaan, pelaksana rukyah, data yang diperlukan dan penetapan lokasi rukyah. Selain itu, beliau juga memaparkan beberapa gambar balai cerap yang terdapat di Indonesia kepada peserta. Di akhir pembentangannya, beliau memaparkan beberapa imej hilal yang berjaya dirakam di seluruh dunia sebagai



pendedahan kepada peserta untuk melihat imej hilal yang sangat nipis dan sukar untuk dilihat.

Kertas kerja yang terakhir bertajuk Waktu Solat berdasarkan Kiraan Panca Titik dibentangkan oleh Dr. Abdul Halim bin Abdul Aziz yang merupakan Panel Pakar Falak JAKIM dan AJK Persatuan Falak Syarie Malaysia. Pengisian pembentangan beliau berkaitan konsep waktu dan menerangkan beberapa dalil lima waktu solat serta tafsiran Ilmu Falak terhadap waktu-waktu solat. Beliau juga menjelaskan kaedah hitungan waktu solat untuk sesuatu zon dan penyelesaian dari kaedah panca titik serta contoh pendekatan panca titik.

Secara keseluruhannya, seminar falak ini mampu meningkatkan kesedaran dan mengukuhkan kefahaman ilmu falak dalam kalangan masyarakat di samping menjelaskan kepentingan dan kaitan ilmu falak dalam akidah dan ibadat umat Islam.



## MAJLIS RUKYAH HILAL ZULHIJAH 1442

Sebagai kebiasaan, penentuan awal bulan hijri bagi bulan Ramadan, Syawal, dan Zulhijah dilakukan dengan proses rukyah hilal iaitu mencerap anak bulan melalui Majlis Rukyah Hilal Rasmi. Bagi penentuan hari raya Aidiladha pada tahun hijri 1442 telah diadakan Majlis Rukyah Rasmi pada 29 Zulkaedah 1442 bersamaan 10 Julai 2021 di Stesen Cerapan Sementara Damai Beach Resort Santubong, Kuching.

Oleh kerana masih dalam keadaan penularan COVID-19, majlis pada kali ini hanya dilakukan oleh pegawai falak Jabatan Mufti Negeri Sarawak (JMNS) yang telah melakukan persediaan untuk sesi cerapan seawal jam 2.00 petang bagi memastikan proses cerapan berjalan lancar. Dua teleskop dan dua total station digunakan untuk mencerap hilal pada majlis kali ini.

Setelah selesai proses mencerap hilal, Majlis Pengesahan Kenampakan telah diadakan di mana Sahibus Samahah Mufti Negeri Sarawak, Datu Haji Kipli bin Haji Yassin, Yang Amat Arif Ketua Hakim Syarie Jabatan Kehakiman Syariah Sarawak, Datu Haji Awang Suhaili bin Ledi, Penolong Pengarah (Survei) Jabatan Tanah dan Survei Sarawak, Yang Berbahagia Tuan Rozlan bin Haji Putit telah menandatangani dokumen berkaitan.

Majlis ini turut disaksikan oleh Yang Dipertua Majlis Islam Sarawak, Datu Haji Misnu bin Haji Taha dan beberapa orang pegawai falak JMNS yang turut hadir dalam majlis tersebut.





## PROGRAM CERAMAH FALAK DAN EDARAN KALENDAR

Ceramah Falak dilaksanakan dengan berobjektifkan untuk meningkatkan kesedaran berkaitan ilmu falak dan mengukuhkan kefahaman ilmu falak dalam kalangan masyarakat di samping menjelaskan kepentingan dan kaitan ilmu falak dalam akidah dan ibadat umat Islam.

Bagi merealisasikan objektif tersebut, Bahagian Falak telah mengadakan beberapa siri ceramah pada 26 hingga 28 Zulhijah 1442 bersamaan 5 Ogos sehingga 7 Ogos 2021 di beberapa buah masjid yang terpilih di seluruh Sarawak iaitu:

1. Masjid an-Naim, Kampung Pangkalan Lutong, Miri
2. Masjid Nahdatul Munawwarah Kampung Balingan, Betong
3. Masjid al-Anshar, Kampung Usahajaya Baru, Sibu
4. Masjid al-Amin Taman Sri Jaya, Sri Aman
5. Masjid Baitul Iman Daerah Limbang
6. Surau Darul Husna, IPD Mukah

Dalam program tersebut, turut diedarkan kalendar hijri yang diterbitkan oleh Jabatan Mufti Negeri Sarawak (JMNS) kepada jemaah yang hadir bertujuan menggalakkan penggunaan kalendar hijri dalam kalangan masyarakat serta menyebarkan informasi berkaitan jabatan, fatwa, falak dan jadual waktu solat mengikut zon.



# Program Ilmu Ke Rumah

## “Maklumat Terus Dikongsi”

**P**rogram Ilmu ke Rumah adalah salah satu daripada usaha untuk mengedarkan bahan terbitan Jabatan Mufti Negeri Sarawak (JMNS) sekaligus menyemai budaya membaca dalam kalangan masyarakat.

Pada kali ini, program ini telah berjaya dilaksanakan hasil daripada kolaborasi bersama-sama pihak Hidayah Foundation Centre Kuching, Lembaga Amanah Kebajikan Al-Hidayah, dan Persatuan Kebajikan Tionghua Islam.

Antara objektif program ini adalah membekalkan maklumat fatwa dan hukum dengan lebih proaktif, perkongsian maklumat dengan lebih berkesan, meningkatkan kefahaman dan kesejahteraan ummah serta memasyarakatkan JMNS.

Semoga usaha JMNS ini akan dapat diteruskan pada masa akan datang dan masyarakat mendapat manfaat daripada program ini.



### SENARAI AGIHAN PROGRAM ILMU KE RUMAH

Bil.	AGENSI KOLABORASI	TARIKH	JUMLAH AGIHAN
1.	Hidayah Foundation Centre	10 Zulhijjah 1443 bersamaan 30 Julai 2021	30
2.	Lembaga Kebajikan Amanah Al-Hidayah	22 Safar 1443 bersamaan 1 Oktober 2021	50
3.	Persatuan Kebajikan Tionghua Islam	18 Rabiulawal 1443 bersamaan 26 Oktober 2021	50



## BENGGKEL CELIK IT:

# ADOBE INDESIGN

Adobe merupakan salah satu perisian komputer yang memberi sumbangan yang amat besar dalam perkembangan dunia penerbitan. Dengan perkembangan semasa, keperluan untuk mengambil tahu proses penerbitan amat dititikberatkan.

Salah satu aplikasi yang ditubuhkan di bawah Adobe ialah Adobe InDesign. Adobe InDesign adalah aplikasi editorial reka bentuk untuk komputer yang menjalankan proses suntingan bahan-bahan terbitan seperti majalah, pamflet, poster, dan lain-lain lagi.

Jabatan Mufti Negeri Sarawak (JMNS) telah memilih Adobe InDesign sebagai modul latihan untuk bengkel Celik IT pada kali ini. Pendedahan asas tentang aplikasi ini dalam usaha JMNS memperkasa penerbitan majalah, poster, buku-buku terbitan dan sebagainya.

Fasilitator jemputan adalah daripada Fotoradiasi Ideas (FRD) iaitu Encik Didin Wahyudi bin Mohamad Zaini dan Encik Azri bin Ibrahim. Bengkel ini telah diadakan pada 5 dan 6 Rabiulawal 1443 bersamaan 12 dan 13 Oktober 2021 yang bertempat di Hotel Grand Margherita, Kuching. Bengkel ini juga telah dihadiri oleh Sahibus Samahah Mufti Negeri Sarawak, Datu Haji Kipli bin Haji Yassin dan Sahibul Fadhillah Pengarah JMNS, Tuan Haji Muall bin Haji Suaud.

Bengkel ini mendedahkan peserta tentang pengetahuan asas reka letak seperti penggunaan ikon yang terdapat dalam aplikasi, cara untuk meletakkan gambar, penyusunan teks yang bersesuaian dengan latar belakang dan objek, serta proses mudah untuk meletakkan muka surat yang seragam dan mengikut urutan.

Para peserta diberi peluang menghasilkan poster mengikut gaya dan kreativiti tersendiri. Komunikasi dua hala antara peserta dan



fasilitator juga diaplikasikan bagi membolehkan bengkel berjalan dengan lancar.

Semoga bengkel ini dapat memberi semangat kepada warga kerja dalam penerbitan bahan-bahan terbitan dan pengetahuan baharu kepada semua yang terlibat.





## BENGGEL PENYEDIAAN VIDEO PENDEK

Sejajar dengan visi World Class Civil Service dalam memperkasakan penyampaian perkhidmatan awam, Jabatan Mufti Negeri Sarawak (JMNS) tidak ketinggalan dalam menyahut cabaran ini dengan mempelbagaikan kaedah penyebaran maklumat kepada masyarakat.

Justeru, JMNS telah mengadakan Bengkel Penyediaan Video Pendek yang diadakan pada 3 dan 4 Rabiulakhir 1443 bersamaan 8 dan 9 November 2021 di Pusat Konvensyen Borneo (BCCK), Kuching.

Bengkel ini telah menghasilkan lima buah video pendek bertajuk Cochineal, Tabayyun, Fenomena Istiwa' A'zam, Jadual Waktu Solat, dan siri-siri Majalah At-Tibyan terbitan Jabatan.

Antara pengisian bengkel adalah sumbang saran papan cerita, penghasilan dan suntingan video, dan sesi pemurnian untuk penambahbaikan ke atas hasil suntingan.

Penghasilan video pendek membuktikan JMNS cakna terhadap perkembangan dunia digital dengan mempelbagaikan kaedah penyampaian maklumat. Diharap video pendek ini mampu menarik minat setiap lapisan masyarakat dan dapat menyebar luas maklumat berkaitan.

# ZIARAH MAHABBAH

Islam menuntut umatnya saling tolong-menolong dalam membuat kebaikan dan kebajikan, serta menjauhi dan tidak melakukan perbuatan yang dilarang Allah SWT. Firman Allah SWT yang bermaksud:

“...Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertaqwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan. Dan bertaqwalah kepada Allah, kerana sesungguhnya Allah Maha Berat azab seksa-Nya (bagi sesiapa yang melanggar perintah-Nya)”

(Surah Al-Maidah 5:2)

Ziarah Mahabbah merupakan program tanggungjawab sosial koporat Jabatan Mufti Negeri Sarawak (JMNS) dalam menyantuni golongan yang memerlukan.

Objektif program ini adalah untuk menyantuni ummah dengan agihan bakul makanan serta memberi ruang untuk berkongsi maklumat berkaitan fatwa dan falak.

Pada tahun 2021, program ini telah dijalankan sebanyak dua kali seperti berikut:

Bil.	AGENSI	TARIKH	TEMPAT
1.	Agensi Anti Dadah Kebangsaan Negeri Sarawak Daerah Kuching	17 Muharam 1443 / 26 Ogos 2021	Agensi Anti Dadah Kebangsaan Negeri Sarawak Daerah Kuching
2.	Lembaga Kebajikan Amanah al-Hidayah	18 Rabiulawal 1443/ 26 Oktober 2021	Islamic Information Centre, Kuching

Antara pengisian program ialah sesi perkongsian aktiviti dan maklumat agensi serta pengagihan bakul makanan kepada Orang Kena Pengawasan (OKP) bersama-sama Agensi Anti Dadah Kebangsaan Negeri Sarawak Daerah Kuching dan saudara kita bersama-sama Lembaga Amanah Kebajikan Al-Hidayah.

Inisiatif ini merupakan salah satu usaha dalam memasyarakatkan JMNS di samping mempelbagaikan medium penyampaian perkhidmatan kepada masyarakat.





## Membaca Gapura Ilmu

**B**udaya membaca merupakan tunjang kepada pengayaan ilmu. Penguasaan pengetahuan dapat diperkasakan melalui pembacaan. Tidak hairanlah jika amalan membaca dikatakan sebagai gapura ilmu. Dengan membaca, seseorang dapat meneroka lebih banyak bidang keintelektualan dan juga menjelajah dunia.

Sejajar dengan Teras Strategi 1, Pelan Strategik Jabatan Mufti Negeri Sarawak 2020-2024, iaitu "Merekayasakan Organisasi", Jabatan Mufti Negeri Sarawak (JMNS) telah menggariskan usaha dalam pengayaan dan penguatan ilmu. Maka, dengan itu JMNS telah menganjurkan program Pertandingan Ulasan Buku Tahun 2021.

Program ini bermatlamatkan peningkatan amalan membaca dalam kalangan warga kerja JMNS, penguatan pemerayaan ilmu dalam jabatan melalui akar umbi dan pematapan kebolehan pengucapan awam dengan menerangkan ilmu yang difahami kepada warga kerja jabatan.

Kemuncak pertandingan pada 5 Julai 2021 telah diadakan pembentangan oleh para peserta melalui aplikasi Zoom yang telah disaksikan oleh

seluruh warga kerja JMNS. Sebanyak 11 ulasan buku telah dibentangkan seperti Ahkamu Tahiyatul Masjid, Kronologi Kiamat, What To Do When Things Go Wrong, Sehari Di Neraka, 200 Soal Jawab Hadis, Keajaiban Haiwan Yang Mengubah Dunia dan lain-lain.

Mufti Negeri Sarawak, Sahibus Samahah Datu Haji Kipli bin Haji Yassin dan Sahibul Fadhilah. Tuan Haji Mual bin Haji Suaud, Pengarah JMNS sendiri telah menghakimi pembentangan tersebut. Dalam ulasannya, Sahibus Samahah Mufti menyatakan perasaan gembira kerana semua peserta telah menunjukkan kesungguhan dan mempersembahkan yang

### PEMENANG PERTANDINGAN ULASAN BUKU JMNS 2021

KEDUDUKAN	NAMA PEMENANG	TAJUK BUKU
Pertama	Ustazah Anis A'qilah binti Ya'akup	Menjejak Keunikan Gerhana Matahari
Kedua	Ustaz Haji Mohamad Syarifuddin bin Haji Abdul Kadir	أحكام تحية المسجد Hukum Solat Tahiyatul Masjid
Ketiga	Ustazah Aainaa Shahira binti Rasidi	200 Soal Jawab Hadis

terbaik serta berharap semangat dan kesungguhan ini dapat diteruskan lagi pada masa akan datang.


Majlis Penangguhan Pertandingan Ulasan Buku dilangsungkan pada 3 Rabiulawal 1443 bersamaan 11 Oktober 2021 di Pusat Konvensyen Borneo Kuching (BCCK) secara hibrid.

Program ini pastinya memberi impak kepada warga kerja JMNS bagi membangun keupayaan mereka dalam meningkatkan kemahiran dan kepakaran dalam pemerikayaan ilmu dan secara tidak langsung akan meningkatkan kemahiran sendiri dalam pengucapan awam. Usaha JMNS ini selari dengan tuntutan agama iaitu menitikberatkan ilmu pengetahuan, bahkan Islam juga meninggikan darjat orang yang berilmu sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud:

*"...Allah meninggikan darjat orang-orang yang beriman di antara kamu, dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan agama (dari kalangan kamu) - beberapa darjat. Dan (ingatlah), Allah Maha Mendalam Pengetahuan-Nya tentang apa yang kamu lakukan."*

*(Surah al-Mujadalah 58:11)*

JMNS komited dalam membudayakan ilmu untuk membangunkan modal insan yang cemerlang dan berkemampuan tinggi dengan banyak lagi program-program seumpamanya di masa akan datang.



# Angka.sa2 : Ke Arah Perpustakaan Yang Sistemik

## “GUDANG ILMU” “SUMBER ILMU” “LUBUK ILMU”

Demikianlah antara frasa yang sering kali dikaitkan dengan perpustakaan. Tidak dinafikan, frasa-frasa ini sememangnya tepat untuk menggambarkan fungsi sesebuah perpustakaan. Gudang ilmu ini memainkan peranan besar dalam merekayasa masyarakat. Hal ini dikatakan sedemikian kerana di perpustakaanlah, tersimpannya pelbagai sumber rujukan seperti buku, jurnal, majalah, manuskrip dan pelbagai koleksi. Kemajuan dan perkembangan sesuatu tamadun juga bermula daripada penyelidikan dan kajian ilmu di perpustakaan.

Jabatan Mufti Negeri Sarawak (JMNS) turut menitikberatkan fungsi perpustakaan dalam pengukuhan sumber rujukan. Justeru, pada tahun 2021, JMNS telah mengaplikasikan Sistem Pengurusan Perpustakaan Angka.sa2 bagi mengurus buku-buku yang terdapat di perpustakaan. Usaha ini sejajar dengan Strategi 2 dalam Pelan Strategik JMNS 2020-2024, Teras Strategik 5, Pengurusan Sumber Maklumat, iaitu Pemerkasaan Perpustakaan JMNS.

Angka.sa2 ialah sistem pengurusan perpustakaan yang berasaskan web bersepadu. Ia dibangunkan untuk memudahkan pencarian bahan rujukan. Sistem ini melangkaui fungsi pengurusan perpustakaan konvensional yang mana pengguna boleh mengakses perpustakaan melalui internet pada bila-bila masa.

Kemahiran dalam penggunaan sistem ini hendaklah dikuasai terlebih dahulu bagi memastikan kelancaran pengaplikasian sistem ini di jabatan. Rentetan daripada itu, satu bengkel telah diadakan pada 11 dan 12 Rabiulakhir 1443 bersamaan 18 dan 19 November 2021 di Bilik ICT, Pustaka Negeri Sarawak. Bengkel Latihan Sistem

Pengurusan Perpustakaan Angka.sa2 ini telah disertai oleh warga kerja Bahagian Pusat Sumber dan tiga orang wakil daripada Bahagian Khidmat Pengurusan.

Bengkel ini dikendalikan oleh fasilitator daripada pihak Sarawak Information System Sdn. Bhd (SAINS) iaitu:

1. Encik Rodney Yang
2. Encik Muhammad Nur Mumin bin Saferi
3. Encik Mohd Izzul Imran bin Sebri

Melalui bengkel ini, para peserta dapat memahirkan diri dalam penggunaan sistem Angka.sa2 dan seterusnya dapat mengurus bahan-bahan rujukan di perpustakaan dengan lebih sistematik. Bengkel ini juga akan diteruskan lagi pada masa akan datang dengan memperincikan modul-modul yang terdapat dalam sistem.



# GERAK KERJA PERPUSTAKAAN



Penyediaan rujukan yang holistik dan sistematik merupakan aspek penting dalam menjadikan JMNS sebagai sebuah pusat rujukan yang berautoriti. Seiring dengan keperluan ini, Bahagian Pusat Sumber telah melaksanakan beberapa siri gerak kerja perpustakaan.

Gerak kerja ini melibatkan proses merekod data buku dan proses penyusunan buku. Pendokumentasian rekod buku juga dilaksanakan bagi membolehkan ia dapat diakses oleh pegawai-pegawai yang memerlukan rujukan dengan mudah.



Sepanjang tahun 2021 empat sesi gerak kerja telah dilaksanakan seperti berikut:



PROGRAM	TARIKH
Gerak Kerja Perpustakaan	13 Jamadilakhir 1442 bersamaan 28 Januari 2021
	21 Ramadan 1442 bersamaan 4 Mei 2021
	29 Zulhijah 1442 bersamaan 9 Ogos 2021
	10 Rabiulawal 1443 bersamaan 18 Oktober 2021

Dengan usaha ini perpustakaan JMNS dapat diurus dengan baik dan sistematik.



## BUKU KANAK-KANAK

Melentur buluh biarlah dari rebunginya, perumpamaan ini membawa maksud mendidik anak hendaklah sejak usia kecil lagi. Mereka bagaikan kain putih yang suci bersih tanpa cacat cela. Seiring dengan peningkatan usia, ibu bapa atau persekitaranlah yang memainkan peranan penting dalam mewarnai kain putih tersebut.

Jabatan Mufti Negeri Sarawak (JMNS) sedar bahawa golongan kanak-kanak merupakan antara golongan yang perlu diambil perhatian. Justeru JMNS telah merancang untuk menerbitkan buku kanak-kanak. Sebagai pusat rujukan berautoriti, JMNS telah menjalankan kerjasama bersama-sama Dewan Bahasa dan Pustaka dalam memastikan penerbitan ini bermutu tinggi.

Objektif penerbitan buku kanak-kanak ini adalah:

1. Menerbitkan buku kanak-kanak berkaitan fatwa dan falak.
2. Mempelbagaikan bahan terbitan jabatan yang memenuhi keperluan pelanggan di semua peringkat umur.
3. Meningkatkan kemahiran penulisan dalam kalangan kakitangan jabatan.

Antara program yang telah dilaksanakan bagi menjayakan penerbitan ini adalah:

NAMA PROGRAM	TARIKH	TEMPAT
Bengkel Buku Kanak-Kanak	19 Muharam 1443 bersamaan 27 Ogos 2021	ZOOM
Bengkel Penyediaan Buku Kanak-Kanak	7-8 Rabiulakhir bersamaan 12-13 November 2021	Imperial Hotel, Kuching

Usaha ini merupakan langkah jabatan dalam mempelbagaikan bahan terbitan dan menyampaikan ilmu fatwa dan falak kepada setiap lapisan masyarakat sedari awal usia lagi.



# MESYUARAT MAJLIS BERSAMA JABATAN (MBJ) BIL 1/2021M

Pada 19 Rabiulawal 1443 bersamaan 25 Oktober 2021 bertempat di Hotel Waterfront, Kuching buat julung kalinya, pihak Bahagian Khidmat Pengurusan Jabatan Mufti Negeri Sarawak (JMNS) telah mengadakan Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan (MBJ). Objektif penubuhan Majlis Bersama Jabatan adalah sebagai landasan bagi saluran dua hala antara pihak pekerja dan pihak pengurusan untuk berkomunikasi dalam menyuarakan pendapat, pandangan serta menyumbang idea demi kepentingan dan kebaikan sesebuah organisasi. Sebelum MBJ JMNS ditubuhkan, JMNS bergabung bersama-sama MBJ Jabatan Agama Islam Sarawak (JAIS) sebelum diluluskan penubuhannya pada 9 April 2021.

Bagi melakarkan sejarah penubuhan MBJ JMNS, mesyuarat yang pertama ini dipengerusikan oleh Sahibus Samahah Mufti Negeri Sarawak, Datu Haji Kipli bin Haji Yassin. Dalam ucapannya Sahibus Samahah Datu Mufti menyentuh mengenai keperluan untuk Pihak Pengurusan dan Pihak Pekerja untuk lebih responsif supaya beberapa perkara yang dibincangkan dapat diselesaikan dengan segera dan efektif. Di samping itu, beliau juga memberitahu bahawa Pihak Pekerja perlu mengetahui batasan jalan penyelesaian yang dapat diselesaikan melalui Mesyuarat MBJ.

Sementara Sahibul Fadhilah Pengarah JMNS, Tuan Haji Mual bin Haji Suaud selaku pengerusi MBJ JMNS dalam ucapan alu-aluannya menyentuh sedikit sebanyak mengenai fakta sejarah permohonan jabatan untuk menubuhkan MBJ sendiri. Beliau menekankan bahawa penubuhan ini adalah sangat penting sebagai platform menjalin hubungan kerjasama diantara Pihak Pengurusan dan Pihak Pekerja.





## HARI INTEGRITI DAN INOVASI JMNS

Pada 4 Jamadilawal 1443 bersamaan 9 Disember 2021, Bahagian Khidmat Pengurusan telah menganjurkan Hari Integriti dan Inovasi 2021. Program ini telah berlangsung di Hotel Pullman, Kuching yang dihadiri Sahibul Fadhilah Pengarah JMNS, Tuan Haji Muallim bin Haji Suaud dan semua warga kerja JMNS.

Hari Integriti & Inovasi merupakan program tahunan yang diadakan oleh Bahagian Khidmat Pengurusan JMNS bagi membudayakan dan memperkasakan nilai-nilai bersama Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak (PANS) dalam kalangan kakitangan JMNS. Bagi menyokong jabatan ke arah pembudayaan ini, Bahagian Khidmat Pengurusan telah menjemput dua tokoh berpengalaman dalam bidang masing-masing bagi berkongsi ilmu serta pengalaman mereka.

Penceramah jemputan merupakan pakar motivasi yang telah lama berkecimpung dalam bidang motivasi serta merupakan perunding profesional yang sering dijemput ke kursus dan latihan anjuran agensi kerajaan negeri Sarawak, dan merupakan Chief Executive Officer (CEO) kepada Syarikat Positive Impressions, Encik Md. Ariff Azahari. Dalam sesi beliau yang bertajuk, "Powering Through the New Normal with Integrity and Professionalism", beliau menekankan kepentingan mengekalkan etika kerja yang tinggi di kala waktu pandemik COVID-19 berleluasa. Antara pengisian ceramah beliau adalah seperti work-life boundaries, semangat kesepunyaan di dalam melaksanakan.

Seterusnya, JMNS telah menjemput penceramah dari Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Ketua Penolong Pengarah Unit Pemeriksaan dan Perundingan SPRM Sarawak, Encik Abdul Kadir bin Mohamad. Dalam ceramahnya yang bertajuk,

'Memperkasakan Integriti dalam Era Digital', antara intipati perkongsian beliau adalah mengenai fungsi-fungsi SPRM, elemen-elemen dan kes salah laku rasuah.

### Nilai-nilai Bersama PANS:



## MALAM APRESIASI JMNS 2021

Jabatan Mufti Negeri Sarawak (JMNS) telah menganjurkan Malam Apresiasi JMNS 2021 bertempat di Hotel Pullman, Kuching pada 5 Jamadilawal 1443 bersamaan 10 Disember 2021.

Program ini dianjurkan bagi memberi penghargaan kepada warga kerja JMNS yang telah bertungkus lumus mencurahkan tenaga mereka bagi menyerlahkan syiar Islam di bumi negeri Sarawak. Program ini juga bertujuan bagi memangkin motivasi warga kerja jabatan supaya dapat berkhidmat dengan lebih efektif dan cemerlang selaras dengan misi dan visi jabatan.

### VISI

Beriltizam Menjadi  
Institusi Mufti yang  
Berwibawa Dalam  
Memartabatkan  
Syariat Islam

### Misi

Memperkasa  
Kecemerlangan  
Kefatwaan Bagi  
Membimbing  
Masyarakat Islam  
Dengan Rujukan Hukum  
Yang Berwibawa  
Dan Unggul Untuk  
Kesejahteraan Ummah

Di samping pemberian anugerah saban tahun, kelainan yang dibuat pada Malam Apresiasi kali ini adalah dengan penyampaian hadiah kepada pemenang Virtual Walk JMNS 2021. Pertandingan ini merupakan hasrat Sahibus Samahah Mufti Negeri Sarawak, Datu Haji Kipli bin Haji Yassin bagi memberi galakan kepada warga kerja JMNS bagi mengekalkan kesihatan masing-masing dari segi mental dan fizikal terutama di musim pandemik COVID-19 ini. Keseimbangan rohani dan jasmani amatlah penting bagi membolehkan warga kerja memberikan perkhidmatan berprestasi tinggi dan berkualiti.





Pertandingan Virtual Walk JMNS 2021 ini telah dimenangi oleh:

## JMNS VIRTUAL WALK 2021 TOP 6 MEN

USTAZ HAJI MOHAMMAD SYARIFUDDIN BIN ABDUL KADIR	302.4 KM
ENCIK AWANG ZAIM HAMIDI BIN HJ WAHIDI	267.6 KM
USTAZ HAJI RAZALIE BIN HAJI HUSSAINI	254.5 KM
USTAZ MOHAMMAD SAIFUL BIN MUSA	162.9 KM
USTAZ NUR RAHIMIN BIN RAHIM	132 KM
USTAZ HEZRET HARRANI BIN SU'UDDI	78.9 KM

## JMNS VIRTUAL WALK 2021 TOP 6 WOMEN

PUAN HASNAH BINTI MORSIDI	383 KM
PUAN NURZALIFAH BINTI SU'UT	331.3 KM
PUAN JALEHA BT ALIAS	318.3 KM
CIK ZUHANA BT SAPIEE	188.1 KM
USTAZAH SYAHIDA BINTI RASHIDI	112 KM
USTAZAH AAINAA SHAHIRA BINTI RASIDI	72.1 KM

Bagi memeriahkan majlis, malam tersebut diserikan lagi dengan persembahan dari keempat-empat bahagian. Kesemua bahagian pada malam tersebut telah memperlihatkan persembahan dalam pelbagai bentuk. Semoga dengan adanya penganjuran Malam Apresiasi ini, dapat membakar semangat warga kerja JMNS untuk memberikan perkhidmatan awam yang bertaraf dunia, sejajar dengan visi Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak (PANS).

Antara penerima anugerah pada malam tersebut ialah:

Senarai Anugerah (Tahun 2021)

## Anugerah SCS 6 Shared Value

<b>KATEGORI A</b>	<b>Anugerah Integrity</b> CIK ZUHANA BINTI SAPIEE
	<b>Anugerah Kindness and Caring</b> USTAZAH NUR FAZILAH BINTI WAS
	<b>Anugerah Professionalism</b> USTAZAH SITI HAJAR BINTI MAZLAN
	<b>Anugerah Sense of Urgency &amp; Ownership</b> ENCIK AWANG ZAIM HAMIDI BIN WAHIDI
	<b>Anugerah Result Oriented</b> USTAZAH NURSHARINA BINTI SAID
	<b>Anugerah Team Spirit</b> USTAZ ABDUL KARIM BIN DRAHMAN

## Anugerah "Best Performance"

<b>KATEGORI B</b>	<b>Bahagian Fatwa</b> USTAZAH FAIZATUL AIDA BINTI MATENI
	<b>Bahagian Falak</b> USTAZ HAJI RAZALIE BIN HAJI HUSSAINI
	<b>Bahagian Pusat Sumber</b> USTAZAH AAINAA SHAHIRA BINTI RASIDI
	<b>Bahagian Khidmat Pengurusan</b> PUAN ROZANA BINTI HASBIE

## Anugerah Khas Mufti

<b>KATEGORI C</b>	<b>Kumpulan Pengurusan &amp; Profesional (P&amp;P)</b> USTAZ HAJI MOHAMMAD FAUZI BIN HAJI HAIRANI
	<b>Kumpulan Pelaksana</b> PUAN HASNAH BINTI MORSIDI

## Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC)

<b>KATEGORI D</b>	1. PUAN SHARIFAH BAIZURA BINTI WAN BADDUWI
	2. USTAZ MOHAMMAD SAIFUL BIN MUSA
	3. USTAZAH NORITI BINTI BESAR
	4. USTAZAH SALIZAWATI BINTI WAHAB
	5. PUAN ROSE BINTI ABDUL KADIR



# Selamat Datang

Ustaz Haji Wan Shaifuddin  
Bin Haji Wan Madihi

2 November 2021



# Tahniah



Perkahwinan Pegawai

Faizatul Aida Binti Mateni  
&  
Muhammad Ameerul Hazeeq  
bin Khalik

21 Julai 2021

*Pelajar Praktikal*

NAMA : Ahmad Hariz bin Bely

Kursus : Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam Syariah  
(Astronomi Islam)  
Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA)



NAMA : Muhammad Nabiljad bin Merikan

Kursus : Ijazah Sarjana Muda Muamalat  
Universiti Teknologi Mara, Shah Alam



NAMA : Ikhmal bin Jamali

Kursus : Diploma Sains Komputer,  
Universiti Teknologi Mara, Kota Samarahan



NAMA : Nur Ain binti Ismail

Kursus : Ijazah Sarjana Muda Sains Maklumat,  
Pengurusan Perpustakaan  
Universiti Teknologi Mara, Puncak Perdana



### Bengkel Pemantapan Bahasa Arab



### Lawatan Kerja Projek Pembangunan Pusat Falak Bintulu



JEMPUTAN MEENGHADIRI MUNAQASYAH PENGURUSAN HAL EHWAL ISLAM NEGERI-NEGERI DI BAWAH NAUNGAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG KE-4




**Pembentangan Akhir Key Focus Activity (KFA) Sempena Anugerah AKPANS 2021**

(JMNS telah Tersenarai Dalam 5 Finalis Akhir)



# Virtual Run JMNS



## Lautan Dakwah

Berlayar bahtera di samudera  
Hampan biru lautan  
Tidak bertepian  
Tidak pula berpinggiran  
Berdekad lamanya petualangan  
Sedari sauh mula dihela

Nakhoda kemudi bahtera  
Kuatnya sepuluh cuma  
Zahirnya seakan luar biasa  
Namun hanyalah hamba sederhana  
Bersiapkan azam yang perkasa  
Demi nusa, agama dan bangsa

Berlayar di larut malam  
buram, suram, kelam  
Sesekali dibadai gelombang  
Sesekali ditiup taufan  
Begitulah tamparan alam  
Jika pengayuh sayang dibasahkan  
Manakan sampai perahu ke  
seberang

Langit dan bintang menjadi saksi  
Bahtera singgah acap kali  
Sauh dilabuh berhenti  
Dek kerana lelahnya diri  
Namun diterus jua usaha murni  
Setiap satu membawa erti  
Dengan niat yang mulia terpuji

Kagum menatap natijahnya kini  
Berkembang besar raqam kelasi  
Bertambah bahtera kanan dan kiri  
Mengukir nama di langit tinggi

Pelayaran ini persis perjalanan  
kita

Tenang tidak terhidang senantiasa  
Meski cabaran membadai binasa  
Yakinlah Allah ada bersama

Luas dan dalam sifat lautan  
Begitulah kiasan rahmat Tuhan  
Tanpa lautan  
Mustahil bahtera menerus haluan  
Alpa, lalai hendaklah jangan  
Bulatkan tekad teruskan perjuangan  
Gapailah bintang dan bulan  
Wijaya tersemat dalam genggamannya  
Teruslah melakar kejayaan  
Mensyukuri pencapaian, mencipta  
kegemilangan

Rizqi Farouq Bin Idris  
Nur Rahimin Bin Rahim

## Cintanya Pulau

Lihatlah pulau  
Cintanya pada daratan  
Luas tak bertepian

Lihatlah pulau  
Kasihnya pada daratan  
Berlabuh dari kejauhan

Lihatlah pulau  
Sayangnya pada daratan  
Menahan pantai dihempas  
gelombang

Walau dipisah laut  
Dibadai ribut  
Cinta kasih dan sayangnya tak  
pernah surut.

Haji Muall Bin Haji Suaud

Muamalat	Segala hal atau perkara yang berkaitan dengan hubungan sesama manusia dalam masyarakat seperti urusan jual beli, pembahagian harta dan nikah kahwin.
Marhalah	Ukuran jarak yang bersamaan dengan 44.5 km atau 28 batu (Fatwa Sarawak: 2 marhalah ialah 81KM)
Qaryah/Kariah	Kawasan yang didiami oleh penduduk yang berkongsi masjid atau surau.
Balad	negeri
Imkanur Rukyah	Kebolehnampakan anak bulan
Maqasid Syariah	Tujuan yang dikehendaki oleh syarak dalam dalam mensyariatkan sesuatu hukum untuk kemaslahatan umat manusia.
Swafoto	Gambar seseorang yang diambil sendiri dengan menggunakan telefon pintar atau kamera web dan selalunya gambar tersebut dikongsi bersama dalam rangkaian sosial.
Khalifah	Manusia yang diamanahkan atau dipertanggungjawabkan oleh Allah untuk mengurus dan mentadbir dunia ini mengikut syariat Allah.
Mandatori	Wajib atau mesti dipatuhi, dilaksanakan, dikuatkuasakan dan sebagainya.
Dai	Orang yang menjalankan kegiatan menyebarkan serta mengajarkan agama Islam kepada manusia.
Jumhur Ulama	Kebanyakan ulama.
Faraid	Pembahagian harta pusaka mengikut kadar yang telah ditetapkan oleh syariat Islam.
Mutlak	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Tiada had atau batas.</li> <li>2. Sepenuhnya dan tidak berbelah bagi.</li> <li>3. Muktamad atau tidak bersyarat.</li> </ol>
Sighah	Penjelasan hukum.
Mafsadah	Kerosakan atau kebinasaan.
Nas	Kutipan atau petikan daripada al-Quran atau hadis yang dijadikan sebagai dasar untuk memutuskan sesuatu hal.
Kemakrufan	Hal atau perkara mengenai: <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Baik.</li> <li>2. Masyhur atau terkenal.</li> </ol>
Maslahat	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Sesuatu yang sangat penting demi kebaikan, keuntungan atau kesejahteraan diri sendiri atau orang lain.</li> <li>2. Sesuatu yang baik dan berfaedah.</li> </ol>
Istihalah	Perubahan atau pertukaran.
Trombosit	Pembentukan gumpalan darah di dalam salur darah atau jantung.

Emulsi	Campuran dua cecair atau lebih yang tidak bercampur sepenuhnya.
Fasik	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Derhaka atau ingkar terhadap perintah Allah dengan berterusan melakukan dosa besar.</li> <li>2. Bertentangan dengan Islam.</li> <li>3. Orang yang derhaka atau ingkar terhadap perintah Allah dengan berterusan melakukan dosa, kejahatan dan sebagainya.</li> </ol>
Gelatin	Bahan protein yang jernih, tidak mempunyai rasa atau bau, yang diperoleh daripada rebusan kulit atau tulang haiwan, yang digunakan dalam membuat makanan, gula-gula getah, penyalut kapsul dan sebagainya.
Gentian	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Sesuatu yang berupa bebenang nipis daripada bahan mineral, karbon, kaca, nilon, dan sebagainya.</li> <li>2. Serat atau serabut yang membentuk tisu binatang, tumbuhan dan sebagainya.</li> </ol>
Surimi	Pes yang diperbuat daripada ikan atau daging lain.
Ufuk	Bahagian langit yang kelihatan rendah bertemu dengan permukaan laut atau topografi.
Rukyah	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Kaedah melihat anak bulan untuk menentukan permulaan bulan Hijrah.</li> <li>2. Pelihatan atau penampakan.</li> </ol>
penjajaran	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Hal atau proses menjadikan sesuatu berada dalam susunan mendatar dan berderet.</li> <li>2. Hal atau proses melaraskan sesuatu alat, bahagian dan sebagainya supaya berkedudukan lurus dan berfungsi dengan baik.</li> <li>3. Proses menyesuaikan atau memadamkan perkara, hal dan sebagainya supaya selaras.</li> </ol>
inisiatif	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Daya usaha, tindakan dan lain-lain yang mula-mula diambil untuk menyelesaikan sesuatu masalah, menangani sesuatu projek dan sebagainya.</li> <li>2. Kebolehan untuk melihat apa-apa yang perlu dilakukan dan berusaha untuk menjayakannya.</li> </ol>
Iftar jamaie	Berbuka puasa beramai-ramai.
pandemik	Wabak penyakit yang merebak luas di sesuatu kawasan, benua, rantau atau seluruh dunia.
menzahirkan	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Menampakkan atau mempamerkan sesuatu di depan mata.</li> <li>2. Menunjukkan atau menyampaikan secara perlakuan atau perbuatan.</li> <li>3. Menjadikan ada, nyata atau terjadi.</li> </ol>
Matawang kripto	Matawang tersembunyi atau rahsia.
Komoditi	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Pengeluaran pertanian, bahan mentah atau bahan galian utama yang diperniagakan.</li> <li>2. Barangan atau perkhidmatan yang berharga atau bernilai tinggi.</li> </ol>
kriteria	Asas atau ukuran dalam menilai atau menentukan sesuatu.

dalil	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Keterangan atau hujah yang menjadi bukti atau alasan kewujudan sesuatu perkara atau terjadinya sesuatu peristiwa yang berdasarkan al-Quran, hadis, ijmak dan qias.</li> </ol>
wabak	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Kejadian atau penyakit berjangkit yang merebak dengan cepat dan boleh membolehkan kematian.</li> <li>2. Kejadian buruk seperti penagihan dadah atau jenayah yang merebak ke serata tempat.</li> </ol>
Hifzun nafs	Pemeliharaan terhadap nyawa.
Rukyah hakiki	Kaedah melihat hilal sama ada hilal kelihatan atau tidak pada tarikh 29 hari bulan dalam kalendar hijrah.
Hamba sahaja	Hamba abdi
Hisab Hakiki	Kaedah membuat pengiraan semata-mata tanpa pergi melihat hilal berdasarkan kedudukan hilal sama ada wujud atau tidak dan dilihat untuk hari-hari yang lain.
Ijtihad	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Usaha yang dilakukan oleh mujtahid untuk mendapatkan sesuatu kesimpulan baharu melalui kajian atau penyelidikan, yang sumber dan kaedahnya diakui syarak.</li> <li>2. Pendapat atau pandangan tentang sesuatu perkara, hal dan sebagainya.</li> </ol>
Literal	Harfiah.
Sarjana	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Orang yang mempunyai kepakaran dalam sesuatu bidang ilmu dan terlibat dalam perkembangan bidang ilmu itu.</li> <li>2. Gelaran kepada seseorang yang memegang ijazah kedua, iaitu tahap pengajian akademik selepas ijazah pertama di institusi pengajian tinggi.</li> </ol>
Usul Fiqh	Dalil-dalil fiqh dan pandangan dalil-dalilnya atau hukum syarak serta kaifiyat keadaan yang didalilkan dengannya dari aspek umum bukan secara terperinci.
Istinbat	Penetapan dan penentuan hukum berdasarkan kajian nas al-Quran dan hadis.
Wadah	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Alat, medan, saluran dan sebagainya untuk melakukan atau menyampaikan sesuatu.</li> <li>2. Bekas untuk menyimpan atau mengisi sesuatu.</li> </ol>



بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ

**JABATAN MUFTI  
NEGERI SARAWAK**

MAKLUM BALAS ANDA  
SANGAT KAMI PERLUKAN  
UNTUK PENAMBAHBAIKAN  
TERBITAN INI

SILA IMBAS QR KOD INI  
UNTUK MENILAI



TERIMA KASIH ATAS  
KERJASAMA ANDA